




25
TAMU
1999-2024



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

MAJALAH

e-ADICITA

UiTM CAWANGAN JOHOR

EDISI 4/2024



Bengkel Perancangan
Strategik UiTM Cawangan
Johor 2024 – 2025.
(Mukasurat 1)



Malam Apresiasi 2023
UiTM Cawangan Johor.
(Mukasurat 3)



Kunjungan Hormat
DBPWS Cetus Jalinan
Kerjasama Baru.
(Mukasurat 4)

**SOROTAN
MENARIK**



Terbitan Edisi 4, 2023
©Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Hakcipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam bentuk apa sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Majalah e-ADICITA

e-ISNN: 2976-2839

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor,
Jalan Universiti Off KM 12 Jalan Muar,
85000 Segamat,
Johor.
Tel: 07-9352000
Fax: 07-9352716

<https://johor.uitm.edu.my>

Majalah ini diterbitkan secara berkala setiap 4 bulan.
Dicetak di Malaysia.

SIDANG REDAKSI



Penaung:
Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor



Penasihat:
Dr. Faridah Najuna Misman,
Timbalan Rektor (PJI)



Ketua Editor:
Siti Nordiyana Isahak



Editor Utama:
Datin Aryani Abdullah

Editor Bahagian/Unit



Bahagian HEP:
Norhisham Ambi



Bahagian PJI&A:
Norshahnadz
Mohamed Ghulam



Bahagian Pentadbiran:
Nurulintan Shyazwaney
Razali



Bahagian Pengurusan Fasilitas:
Maznah Salamin



Bahagian Infostruktur:
Mimi Hasliah Mohd Shahari



Pejabat Bendahari:
Eliana Hasmah Jamil



Pejabat Polis Bantuan:
Mohd Faiezal Bharum



Unit HEI:
Ustaz Rafiuddin
Mohd Yusof



Unit Koporat:
Iqlil Dhaniah Mohamad



Unit Kualiti:
Siti Rahayu Sarman



PTDE:
Muhamad Faizul Azwan
Jalil



Bahagian HEA:
Siti Fatimah Mohd Noh



Rekabentuk Kulit/dalaman:
Syamsul Firdaus Sardi



Sekretariat:
Nur Atiqah Abd Hamid

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi	
Dari Meja Rektor	i
Kata Aluan Timbalan Rektor BPJIA	ii
Nota Editor	iii
Sorotan Aktiviti Rektor	1 - 9
Bahagian HEA	10 - 14
Bahagian HEP	15 - 28
Bahagian BPJIA	29 - 32
Bahagian Pentadbiran	33 - 34
Bahagian Pengurusan Fasiliti	35 - 39
Bahagian Infostruktur	40 - 41
Pejabat Bendahari	42 - 43
Unit UHEI	44 - 47
Unit Komunikasi Koporat	48
Polis Bantuan	49 - 51
Unit Pengurusan Kualiti	52 - 54
PTDI	55 - 58
Klik - Klik UiTMCJ	59 - 62

DARI MEJA REKTOR



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah Yang Maha Esa, Tuhan Semesta Alam. Saya bersyukur kerana dengan izin dan limpah kurniaNya diberikan sedikit ruang untuk menitipkan sepatah dua kata dalam keluaran keempat Majalah e-ADICITA. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA di bawah penyelarasan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor kerana telah bekerja keras melaksanakan tanggungjawab dalam penerbitan majalah ini. Sedar tidak sedar, sudah empat edisi majalah ini diterbitkan. Saya percaya setiap usaha yang dicurahkan wajar mendapat pujian kerana liputan majalah melibatkan aktiviti kedua-dua kampus UiTM Cawangan Johor iaitu Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.

Penerbitan Majalah e-ADICITA merupakan salah satu daripada *Rector's Special Project (RSP)*. Penerbitan majalah ini sangat penting sebagai kayu pengukur dan menjadi satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran saya. Selain untuk tujuan kewujudan (*visibility*) kampus, pelaporan sebegini membantu dalam penyediaan Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya. Dalam usaha membina imej UiTM Cawangan Johor sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang proaktif dan sentiasa dekat dengan masyarakat, saya percaya peningkatan kepada produktiviti dan daya saing yang sihat perlu seiring dengan proses pembinaan sikap dan karakter dalam mencintai ilmu. Mendepani medan persaingan global dan ledakan perubahan teknologi yang pantas, setiap warga UiTM Cawangan Johor perlu bersedia untuk mengadaptasi kesemua perubahan ini dan memastikan setiap indikator pembangunan menjadi lebih terancang, bersifat inklusif dan berpaksikan inovasi. Justeru transformasi penyampaian perkhidmatan perlu diperhalusi dengan baik supaya setiap pemegang taruh berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan yang ditawarkan.

Dalam merangka dan menerbitkan majalah ini, ramai pihak yang telah memberi sumbangan, masa, tenaga dan ilmu. Dedikasi dan sumbangan yang dizahirkan ini adalah berteraskan matlamat yang sama iaitu memastikan penyampaian ilmu sampai kepada segenap peringkat usia. Semangat yang ditunjukkan ini, sekaligus mampu membuktikan kewujudan UiTM Cawangan Johor dalam menyumbang impak yang positif kepada masyarakat setempat di samping mendapat keyakinan dari pihak industri dan kepercayaan rakan strategik UiTM

Dengan tulus ikhlas, saya mendoakan agar usaha ini diberkati Allah SWT. Semoga sumbangan ini dapat melahirkan lebih ramai warga UiTM Cawangan Johor yang bukan sahaja berketerampilan dari sudut ilmunya, tetapi mempunyai nilai tambah yang sentiasa bersedia dengan arus perubahan semasa.

Sekian, wassalam

PROF MADYA DR SAUNAH ZAINON

Rektor

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

KATA ALUAN TIMBALAN REKTOR PJI



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA kerana memberi ruang dan peluang untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam majalah ini. Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah berjaya menerbitkan Edisi Keempat Majalah e-ADICITA dan edisi pertama bagi tahun 2024. Syabas dan tahniah juga saya rakamkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA dan semua pihak yang menunjukkan komitmen yang jitu dalam menjayakan penerbitan majalah ini.

Majalah e-ADICITA merupakan salah satu inisiatif di bawah *Rector's Special Project (RSP)* Yang Berbahagia Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon bagi mendokumentasikan kesemua program-program yang berimpak di UiTMCJ. Pengumpulan bahan secara konsisten ini akan melestarikan sistem pelaporan yang lebih cemerlang serta efektif bagi membantu dalam penyediaan laporan utama universiti seperti Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya. Malahan mutu perkhidmatan warga UiTMCJ juga dapat dipertingkatkan, di mana kewujudan majalah ini akan menjadi salah satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran Yang Berbahagia Rektor.

Sistem pengurusan rekod yang baik, lengkap, sahih, mudah capai serta boleh digunakan akan memastikan integriti dan akauntabiliti penyampaian maklumat menjadi lebih efektif. Pelaporan setiap bahagian/unit yang telah disediakan dalam majalah ini akan menjadi salah satu sumber tambahan kepada pengurusan rekod yang lebih cekap di UiTMCJ. Setiap pelaporan aktiviti akan lengkap dengan gambar-gambar dan perakuan penulisan yang menunjukkan kakitangan bukan akademik juga mampu menyumbang kepada penambahan bilangan penerbitan universiti.

Saya melihat tanggungjawab menyediakan modal insan yang baik bukan semata-mata diletakkan di bahu kakitangan akademik. Saya percaya melalui bentuk penulisan sebegini, walaupun ringkas ia secara tidak langsung membuktikan semua warga UiTMCJ bersedia membantu universiti mengarapkan segala maklumat menjadi satu susunan ilmu yang baik. Tahniah diucapkan buat semua penulis. Penerbitan ini bukan sahaja membuktikan kewujudan (*visibility*) kampus, tetapi setiap karya penulisan dan aktiviti bergambar yang dimuatkan akan menjadi kenangan indah di samping peningkatan kepada bilangan penulisan karya dan penerbitan di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ).

Sekali lagi, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa serta sidang redaksi majalah. Semoga usaha menerbitkan Majalah e-ADICITA diteruskan pada masa mendatang. Kepada pembaca majalah ini, semoga ia memberi manfaat yang tidak terhingga.

DR FARIDAH NAJUNA MISMAN

Timbalan Rektor
Bahagian Penyelidikan dan
Jaringan Industri
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

NOTA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bismillahirrahmanirrahim. Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Majalah e-ADICITA Edisi Keempat telah berjaya diterbitkan. Selawat dan salam juga buat junjungan kita Nabi Muhammad SAW, utusan rahmat sekalian alam. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi atas usaha gigih dan khidmat yang tidak mengenal erti jemu bagi menyiapkan sekaligus merealisasikan penerbitan keempat Majalah e-ADICITA. Majalah ini telah diselaraskan di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor meliputi pelaporan untuk kedua-dua kampus, Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Merupakan salah satu inisiatif di bawah *Rector's Special Project (RSP)* Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon, majalah ini akan mengumpulkan laporan kesemua aktiviti dalam satu sistem pengumpulan yang lebih sistematik, bervisi serta menyumbang kepada peningkatan prestasi setiap warga UiTM CJ.



Merealisasikan usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah. Proses pengumpulan bahan memakan masa berbulan-bulan, setiap bahagian/jabatan/unit di UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) perlu peka terhadap aktiviti yang dilaksanakan dan memastikan pelaporan dibuat segera. Bagi memudahkan proses ini, setiap bahagian/jabatan/unit mempunyai seorang penyunting dan bertindak membuat suntingan di peringkat awal. Siapa sangka, kakitangan bukan akademik juga sangat cemerlang dalam bidang penulisan. Hal ini terbukti apabila, dapatan hasil pengumpulan hanya memerlukan sedikit sahaja sentuhan kakitangan akademik dalam proses penyuntingan. Kekerapan penerbitan majalah ini juga akan menjadi cabaran yang hebat buat sidang redaksinya. Dengan kadar penerbitan berkala sebanyak tiga (3) kali (empat (4) bulan sekali) dalam setahun, usaha pengumpulan perlu konsisten dan cekap. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua editor yang telah bertungkus lumus dan memastikan setiap gerak kerja yang dibuat dilaksanakan sebaiknya.

Saya percaya usaha penerbitan majalah ini, akan meningkatkan kredibiliti, kecekapan, akauntabiliti dan memastikan kelangsungan perkhidmatan yang disediakan untuk pemegang taruh UiTM CJ direkodkan sebaiknya. Manakala setiap bahagian/jabatan/unit pula perlu bergerak aktif menyediakan program/aktiviti yang memberi impak yang besar kepada UiTM CJ. Sekaligus, usaha kecil ini akan memberikan impak yang signifikan dalam memastikan nama UiTM Cawangan Johor terus berada di persada.

Mewakili semua Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA, saya memohon ampun dan maaf andai terdapat kekurangan dan kelemahan dalam kandungan majalah ini. Saya amat berharap usaha ini dapat diterjemahkan dan diterima dengan lebih baik pada masa akan datang melalui penerbitan edisi seterusnya. Buat warga UiTM Cawangan Johor, selamat membaca dan menikmati isi kandungan ilmu yang baru. Semoga setiap rekod dan susunan artikel dalam majalah ini akan menjadi kenangan indah buat anda semua. Terus maju UiTM Cawangan Johor.

Sekian, wassalam.

SITI NORDIYANA ISAHAK

Ketua Editor Majalah e-ADICITA
UiTM Cawangan Johor.



SOROTAN AKTIVITI REKTOR

2024

BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK UiTM CAWANGAN JOHOR 2024 – 2025.

Penulis: Noor Aien Md Yusof dan Dr Nur Huda Jaafar



Bengkel Perancangan Strategik UiTM Cawangan Johor 2024 – 2025 telah diadakan pada 19 hingga 20 Januari 2024 di UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang melibatkan semua ketua bahagian, ketua unit, ketua pusat pengajian, kordinator program dan jawatankuasa perancangan strategik UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ). Bengkel ini diadakan bertujuan untuk berbincang, merancang dan mengkoordinasi Perancangan Strategik UiTMCJ bagi tahun 2024 dan 2025 dari setiap bahagian supaya selari dengan Pelan Perancangan Strategik UiTM 2025.



Dalam ucap tama YBhg Rektor, Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon yang bertajuk "Landasan Hala Tuju UiTM Cawangan Johor 2024-2025", beliau menegaskan matlamat dan dasar UiTMCJ bagi tahun 2024 hingga 2025 adalah menjadikan UiTMCJ Kampus Berdayahuni (*Liveable Campus*). Bagi mencapai matlamat dan dasar ini, Pelan Induk UiTM Cawangan Johor 2024-2025 telah diperkenalkan. Hasil perbincangan pada bengkel ini, empat pelan strategik di bawah pelan induk ini telah dihasilkan merangkumi :

1. Pelan Strategik Pembangunan Akademik
2. Pelan Strategik Pembangunan Bakat Staf
3. Pelan Strategik Pembangunan Pelajar
4. Pelan Strategik Perkhidmatan Fasiliti, Digital dan Infostruktur

Pembentangan bagi pelan-pelan strategik di bawah Pelan Induk UiTM Cawangan Johor 2024-2025 dan projek-projek *Strategic Action Plan (SAP)* bagi mencapai sasaran petunjuk prestasi (PI) telah diadakan pada hari kedua bengkel. Bengkel ini diakhiri dengan sesi penggulungan dari Puan Rektor UiTM Cawangan Johor. Semoga semua warga UiTMCJ terus cemerlang, berdaya saing dan proaktif memajukan UiTMCJ ke persada.

#UiTMJohor
#Johor4Excellence=K4E4
#UiTMDihatiku

MALAM APRESIASI 2023 UiTM CAWANGAN JOHOR.

Penulis: Fitrihana Mabin dan Dr Nur Huda Jaafar

Malam Apresiasi 2023 UiTM Cawangan Johor telah dilaksanakan dengan jayanya di Amansari Hall, Amansari Residence Resort pada 19 Januari 2024 (Jumaat) jam 8.00 malam. Majlis Makan Malam ini merupakan satu majlis penghargaan kepada semua pemegang taruh Petunjuk Prestasi (PI) UiTM Cawangan Johor dan melibatkan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Ketua-Ketua Bahagian serta urusetia terlibat yang menjayakan serta memastikan PI universiti dapat dicapai.

Beberapa anugerah telah disampaikan pada malam tersebut oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor. Anugerah-anugerah yang telah disampaikan ialah anugerah yang mencapai 100% PI terpantas yang telah diberikan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui PI033: *Numbers of students involved in the e-sport industry*, Bahagian Hal Ehwal Akademik melalui PI044 : *Number of student enrolment (national PhD students)* / PI045: *Number of students enrolment (international postgraduate students)*, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni melalui PI061: *Number of principal investigators (PI) for research grants : National Funded*, PI062 : *Number of principal investigators (PI) for research grants : Industrial Funded*, PI063: *Number of principal investigators (PI) for research grants : International Funded* dan Bahagian Pentadbiran melalui PI125: *Number of staff registered for PhD studies*.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Strategik dan Transformasi Universiti UiTM Cawangan Johor.



Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni turut mendapat penghargaan di atas peningkatan prestasi yang sangat memberangsangkan melalui PI064: *Total amount of research grants: National Grants* yang telah meningkat dari 59.05% pada tahun 2022 kepada 82.83% pada tahun 2023. Penghargaan juga telah diberikan kepada Pejabat Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Pengurusan Fasiliti kerana berjaya mencapai 100% PI yang dipertanggungjawabkan. Acara turut diserikan dengan persembahan nyanyian daripada peserta Bengkel Perancangan Strategik, Cabutan Bertuah serta penyampaian hadiah kepada Anugerah Pakaian Tercantik pada malam itu.

#UiTMJohor
#Johor4Excellence=K4E4
#UiTMDihatiku

PERASMIAN PEJABAT UNIT ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF UiTM CAWANGAN JOHOR DAN MAJLIS PENYERAHAN MOCK CHEQUE BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD.

Penulis: Siti Nordiyana Isahak

Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (UZSW) UiTM Cawangan Johor merupakan sebuah unit yang menguruskan aktiviti berkaitan zakat, sedekah dan wakaf. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan termasuklah mengadakan seminar, webinar serta program ziarah bagi memastikan semua pihak yang berkepentingan mendapat manfaat daripada penubuhan unit ini. Pada bulan Julai 2020, UZSW yang diketuai oleh seorang koordinator telah diletakkan di bawah Rektor UiTM Cawangan Johor. Perubahan ini berlandaskan keputusan Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada 4 Mac 2020.

Perkembangan yang baik dalam unit ini mendorong kepada penubuhan satu kiosk merangkumi pejabat pengurusan UZSW bagi memudahkan urusan pengumpulan dan pembayaran kelak. Majlis Perasmian Pejabat Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat yang baru ini telah disempurnakan oleh YBrs Rektor, Prof Madya Dr. Saunah Zainon pada 15 Februari 2024 yang lalu. Majlis ini turut disaksikan oleh YBrs Puan Hajah Zabidah binti Abu Bakar, Pengurus, Bank Rakyat Cawangan Segamat. Pejabat urusan ini telah ditempatkan di Bangunan Sri Bendahara, UiTM CJ.

Usai majlis perasmian, satu Program Seminar Cakna Kewangan Islam telah diadakan. Seminar ini disampaikan oleh Ustaz Wan Mohd Sharizan bin Mohamed Yatim, Pemangku Pengurus, Bahagian Pengurusan Zakat Bank Rakyat dan telah diadakan di Bilik Seminar Aula Bestari, UiTM CJ. Satu acara penyerahan mock cheque daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd telah disempurnakan oleh YBrs Puan Hajah Zabidah binti Abu Bakar kepada Tabung Pelajar Miskin UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Melalui program ini, diharap pelbagai kerjasama antara kedua-dua pihak dapat direalisasikan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Bank Rakyat atas keprihatinan terhadap pembangunan sektor pendidikan di Daerah Segamat.

#Johor4Excellence=K4E4
#UiTMDihatiku
#SalamMalaysiaMadani
#SalamMajuJohor



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi dan Korporat UiTM Cawangan Johor.



KUNJUNGAN HORMAT DBPWS CETUS JALINAN KERJASAMA BARU.

Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Norfariza Mohd Ali.

Pada 10 Januari 2024 (Rabu), YBrs Rektor UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Prof Madya Dr Saunah Zainon telah menerima Kunjungan Hormat daripada delegasi Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS) yang diketuai oleh Pengarahnya, YBrs. Encik Mohd Riduwan bin Wahab. Seramai tiga (3) orang delegasi daripada DBPWS turut serta dalam kunjungan ini. Mereka yang turut bersama-sama menyambut ketibaan delegasi DBPWS adalah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Dr Basaruddin Shah Basri, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, Dr. Faridah Najuna Misman serta barisan ahli jawatankuasa yang terlibat.

Kunjungan ini menjadi satu penanda aras yang baru kepada hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak. Walaupun terdapat beberapa program kerjasama yang telah dilaksanakan sebelum ini seperti bengkel penulisan dan penerbitan, tetapi ini merupakan kunjungan rasmi pertama oleh DBPWS ke UiTMCJ yang diketuai sendiri oleh YBrs Pengarah DBPWS. UiTMCJ amat berbesar hati menerima kunjungan ini dan mengharapkan hubungan baik yang terbina bakal memanfaatkan kedua-dua pihak.

Kunjungan Hormat ini dimulai dengan acara menandatangani buku pelawat. Seterusnya delegasi DBPWS telah di bawa ke Bilik Mesyuarat Utama (BMU) untuk penerangan ringkas berkenaan UiTMCJ dan UiTM amnya. Perbincangan juga merangkumi program kerjasama yang bakal terjalin antara kedua-dua pihak. Hal lain yang turut dibincangkan adalah pelaksanaan Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia di mana UiTMCJ akan menjadi tuan rumah kepada kejohanan berprestij ini dan program kebahasaan lain-lainnya. YBrs Rektor dalam ucapannya menyatakan, "UiTM Cawangan Johor sentiasa menyambut baik kesudian pihak industri, agensi tempatan, kerajaan negeri mahupun institusi pendidikan yang lain untuk bekerjasama dalam memajukan anak bangsa". Pembentukan jati diri mahasiswa/i tidak semata-mata berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran sahaja, tetapi penganjuran program-program berimpak juga bakal memberikan pendedahan yang baik buat mereka. Mahasiswa/i dapat berasimilasi serta membina jaringan hubungan yang baik dengan pihak luar malahan turut belajar bagaimana mengendalikan serta menganjurkan program berimpak seumpama ini.

Terima kasih atas kesudian Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS) melakukan kunjungan hormat ke UiTMCJ. Semoga hubungan baik ini bakal mencetuskan lebih banyak penganjuran program berimpak dan membawa manfaat kepada kedua-dua pihak. Terus Maju UiTM Cawangan Johor.

#Johor4Excellence=K4E4
#UiTMDihatiku
#SalamMalaysiaMadani
#SalamMajuJohor



MAJLIS AMANAT REKTOR 2024

Penulis: Siti Nordiyana Isahak



Tahun 2024 merupakan tahun kedua pentadbiran YBrs Prof Madya Dr Saunah Zainon sebagai Rektor di UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ). Menjadi sosok wanita pertama mentadbir sebuah institusi yang gah di selatan tanah air dan sebelum ini didominasi oleh kaum lelaki bukanlah sesuatu yang mudah. Persepsi, skeptikal dan masalah komunikasi menjadi antara rencam yang perlu dihadapi lewat tahun pertama pentadbiran beliau. Tetapi dengan jati diri, ilmu, sikap toleransi, pengalaman dan kemahiran pengurusan yang tinggi pelbagai sudut perubahan kampus telah dapat dibuktikan oleh beliau. Beliau percaya kerjasama berpasukan adalah kunci kepada kesepaduan dalam kepelbagaian perkembangan dan pembangunan kampus. Hasrat beliau cuma satu ingin membawa institusi keramat ini ke mercu.



Pada 22 Februari 2024 (Khamis), satu Majlis Amanat Rektor UiTM Cawangan Johor 2024 telah dilaksanakan di Dewan Kuliah LT1 dan LT2. Manakala bagi warga UiTM Cawangan Johor yang berada di Kampus Pasir Gudang tontonan langsung dapat dicapai di platform YouTube UiTM Johor. YBrs Rektor dalam ucapannya menyeru semua warga untuk terus proaktif dalam membina UiTM CJ. Kata beliau, "cabaran dunia pendidikan kini jauh berbeza. Kepantasan perubahan teknologi setanding dengan kepesatan sektor ekonomi negara telah merubah corak tumbuh generasi yang kita lahirkan kini. Justeru, saya menyeru warga UiTM Johor untuk bergerak seiring dengan perubahan, transformasi pendidikan yang komprehensif perlu dilaksanakan bagi memenuhi permintaan baharu".

Beliau juga memetik salah satu daripada 20 landasan halatuju KPT 2024 dalam ucapan amanatnya iaitu Landasan Pertama: Esensi utama pendidikan adalah tentang pembentukan 'otak' dan 'watak'. Kata beliau, "tunjang melahirkan mahasiswa cemerlang dan terpuji terletak kepada pembinaan asasnya. Usaha KPT ini adalah signifikan dalam membentuk generasi Malaysia MADANI yang mempunyai kebolehan serta pemikiran yang berkualiti. Cemerlang dengan jiwa yang kental, bukannya cemerlang tetapi jiwanya kosong. Saya ambil falsafah hidup dari Buya Hamka, "Orang berakal hidup untuk masyarakatnya, bukan buat dirinya sendiri". Bagi mengapai ke langit, eloklah kita semua tanam dan bajai generasi kita pada hari ini dengan asas yang kukuh"



Usai ucapan amanat beliau, satu tayangan video aktiviti, kejayaan warga, perkembangan dan pembangunan kampus sepanjang pentadbiran beliau pada tahun 2023 turut dipertontonkan. Warga UiTMCJ dapat melihat sendiri bukti keberadaan beliau di kedua-dua kampus, bagaimana usaha beliau untuk melihat kampus ini menjadi begitu senang di hati warganya. Perubahan tema UiTMCJ juga turut diumumkan bagi tahun 2024. UiTMCJ kini dikenali sebagai 'Liveable Campus'. UiTM Cawangan Johor, Kampus Berdayahuni. Memetik kata-kata YBrs Rektor, "UiTM Johor cukup terkenal dengan warganya yang mesra, saling tolong-menolong, sentiasa bertoleransi dengan situasi. Saya percaya kerana pembinaan asas dan strukturnya sebegitu kampus kita sentiasa disenangi oleh tetamu-tetamu kita. Mesra dan berdayahuni, membangun tetapi tetap mampan dalam mencapai sasaran persekitaran komuniti yang inklusif dengan semangat perpaduan".

Pada majlis yang sama pelancaran Buku Koleksi Ucapan Rektor UiTM Cawangan Johor turut dilaksanakan. Buku ini terhasil daripada usaha empat orang editor yang diketuai oleh Cik Ainul Adiba Saleh, Pensyarah Akademik Pengajian Bahasa, UiTMCJ. Himpunan ucapan ini merangkumi teks ucapan aluan, penutup, perasmian serta ucapan di majlis-majlis luar atas kapasiti beliau sebagai Rektor. Terdapat berpuluh-puluh koleksi teks ucapan dikumpulkan sepanjang tahun 2023 dan semoga usaha ini dapat menjadi panduan serta rujukan buat semua warga. Majlis Amanat Rektor berakhir dengan sesi soal jawab bersama warga. Syabas dan tahniah diucapkan kepada YBrs Rektor atas usaha, pengorbanan masa dan tenaga, berpenat lelah membangun institusi keramat ini. Didoakan YBrs Rektor terus kekal sihat, cerdas dan bersemangat tinggi membangun UiTMCJ ke persada. Buat semua warga, marilah menggembeleng tenaga, bersatu hati dan teguh bersama-sama beliau bagi membangun anak bangsa kita, menjadi tulang belakang tunjang kemajuan UiTMCJ. Terus Maju UiTM Cawangan Johor.

#Johor4Excellence=K4E4
 #UiTMDihatiku
 #SalamMalaysiaMadani
 #SalamMajuJohor

**LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT DATO' ZAHARI SARIP,
PENGURUSI JAWATANKUASA PERTANIAN,
INDUSTRI ASAS TANI DAN KEMAJUAN LUAR BANDAR,
NEGERI JOHOR KE PROJEK PEMBANGUNAN TANAMAN NANAS
NEGERI JOHOR DI UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.**

Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Dr Nur Fatimah Shaari.

Umum mengetahui UiTM Cawangan Johor telah menjadi lokasi tapak Projek Pembangunan Tanaman Nanas Daerah Segamat sejak tahun 2023 melalui sewaan tapak oleh Persatuan Penanam Nanas Negeri Johor (PPNNJ). Kerjasama erat antara tiga agensi iaitu Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Negeri Johor, PPNNJ dan UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah menjadikan projek ini satu realiti sekaligus mengubah landskap UiTMCJ di bahagian pintu masuk utama. Tentunya projek ini telah memberikan impak yang besar terhadap pembangunan sektor pertanian di Daerah Segamat, apabila Projek Pembiakan Benih Nanas MD2 Negeri Johor dan Pusat Pengumpulan Hasil Ladang turut ditempatkan di sini. Dengan keluasan 20 ekar tanah, projek ini bakal menjadi satu mercu tanda kejayaan sektor pertanian berasaskan tanaman nanas di Negeri Johor.

Sempena Jelajah Hari Nanas Malaysia Peringkat Negeri Johor pada 4 Mac 2024 (Isnin), YB Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa (EXCO) Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor telah melaksanakan Lawatan Kerja Ke Projek Pembangunan Tanaman Nanas Daerah Segamat di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Ketibaan YB Dato' EXCO telah disambut oleh YBrs Pengerusi LPNM, Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib Ali, YBrs Ketua Pengarah LPNM, Encik Mohd Khairuzamri M. Salleh, Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Pengarah LPNM Negeri Johor, Encik Ahmad Fitri Shah Yusof, dan Tuan Haji Norman Shahron, Pengerusi Persatuan Penanam Nanas Negeri Johor (PPNNJ), Pengurusan Kanan LPNM dan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Johor.



Lawatan dimulakan dengan melawat tapak Projek Pembiakan Benih Nanas MD2 Negeri Johor bagi tujuan merasmikan Pusat Pengumpulan Hasil Ladang dan Pembiakan Benih Nanas. Seterusnya, YB Dato' EXCO telah membuat pelepasan kenderaan 4x4 sebagai gimik Pelancaran Jelajah Hari Nanas Malaysia Peringkat Negeri Johor sempena Hari Nanas Malaysia yang akan disambut pada 27 Jun 2025. Selain itu, YB Dato' EXCO turut melawat Ladang Serai Komuniti UiTM Cawangan Johor di bawah *Rector's Special Project* (RSP). Lawatan diakhiri dengan Majlis Menandatangani Surat Niat "LOI" antara UiTM Cawangan Johor dan Persatuan Pengusaha Nanas Negeri Johor (PPNNJ) serta Penyampaian Sijil "MyGAP" Tahun 2023 Bagi Ladang Nanas Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi dan Korporat UiTM Cawangan Johor.

Kerjasama terjalin diharap dapat mencapai beberapa objektif antaranya menggalakkan dan meningkatkan bidang pertanian terutamanya rantai industri nanas di Negeri Johor, pertukaran maklumat berkenaan perkembangan dalam bidang pertanian bagi pendidikan dan pembangunan pelajar, menaik taraf kemudahan infrastruktur serta jaringan pendapatan seperti pusat agropelancongan dan pusat latihan berasaskan nanas di Daerah Segamat. Semoga segala perancangan projek dapat dilaksanakan dengan jayanya seterusnya membawa jutaan manfaat kepada semua lapisan masyarakat serta dapat memberi inspirasi untuk semua warga UiTMCJ khasnya meneruskan kecemerlangan dan berbakti kepada agama, bangsa dan nusa.

#Johor4Excellence=K4E4
 #UiTMDihatiku
 #SalamMalaysiaMadani
 #SalamMajuJohor

LAWATAN KERJA Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor ke UiTM Cawangan Johor

Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Rosmah Abd Ghani@Ismail.

Membangunkan modal insan yang mempunyai keterampilan, berilmu dan berkemahiran tinggi bukanlah sesuatu yang mudah. Tanggungjawab ini tidak seharusnya diletakkan di bahu institusi pendidikan sahaja, semua pihak termasuklah pihak industri, kerajaan tempatan mahupun pihak kementerian perlu duduk bersama agar pembangunan bakat yang terhasil kelak bakal menjadi faktor tarikan kepada kemenjadian modal insan tersebut. UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) sangat komited memastikan kemenjadian mahasiswa/i berada dalam landasan yang tepat bagi memacu pembangunan sektor pendidikan negara yang sekaligus mampu menyumbang kepada kecemerlangan bakat di pasaran. Justeru, hubungan baik antara pihak industri, kerajaan tempatan mahupun kerajaan negeri menjadi salah satu *pull factor* bagi mencapai matlamat yang digariskan.



Pada 11 Mac 2024, UiTMCJ amat berbesar hati menerima Lawatan Kerja Yang Berhormat Tuan Aznan Bin Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor ke UiTM Cawangan Johor. Ketibaan YB Tuan Aznan Bin Tamin, telah disambut oleh YBrs Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dan Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Lawatan kerja ini turut disertai oleh YB Adun Jementah, YB Ng Kor Sim, YB Adun Pemanis, YB Tuan Anuar Abdul Manap, Pegawai PPD Daerah Segamat, Pegawai-pegawai daripada Majlis Belia Daerah Segamat dan Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri.

Lawatan dimulakan dengan acara menandatangani buku pelawat, melawat ke Galeri Korporat UiTMCJ, *Food chart* dan Kaunter Unit Zakat di Bangunan Sri Bendahara. Delegasi YB seterusnya di bawa ke Bilik Mesyuarat Utama (BMU) untuk penerangan ringkas berkenaan perkembangan kampus dan UiTM amnya. Sedikit perbincangan hala tuju pendidikan negeri juga telah dilaksanakan kedua-dua pihak. YB Tuan Aznan Bin Tamin dalam ucapannya menyatakan, keperluan untuk institusi pendidikan tinggi bersama-sama kerajaan negeri bagi membangunkan bakat yang ada terutamanya anak-anak jati Negeri Johor yang tentunya bakal menjadi penyumbang kepada kemajuan ekonomi negeri. Beliau juga menyatakan sokongan kerajaan negeri terhadap usaha-usaha murni pembangunan modal insan oleh institusi pendidikan yang berada di Negeri Johor terutamanya UiTM Cawangan Johor.



UiTM Johor senantiasa menyambut baik, usaha-usaha kerajaan negeri dalam memartabatkan sektor pendidikan. Delegasi YB seterusnya dibawa ke Bilik *Trading Room* UiTM Johor dan telah diberikan penerangan ringkas mengenai fasiliti yang disediakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan bentuk-bentuk penawaran kepakaran kepada komuniti oleh unit ini dalam memperkasakan pendidikan berasaskan pelaburan. Semoga segala perbincangan dan penerangan yang telah diberikan akan membawa jalinan kerjasama yang lebih utuh dan berterusan antara kedua-dua pihak. Terus Maju UiTM Cawangan Johor.

#Johor4Excellence=K4E4
#UiTMDihatiku
#SalamMalaysiaMadani
#SalamMajuJohor



HEA

HAL EHWAL AKADEMIK

2024

PROGRAM BHEA PRIHATIN

Penulis: Ku Hartini binti Ku Abdullah



Program BHEA Prihatin merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan saban tahun oleh Kelab BHEA. Aktiviti yang dilaksanakan termasuklah melawat ahli-ahli dan keluarga ahli kelab yang ditimpa musibah. Pada 17 September 2023, mewakili Kelab BHEA, Encik Shaiful Anuar, Puan Azmawati, Puan Ku Hartini, Puan Haslina, Puan Abidah, Puan Nurul Najihah dan Puan Siti Fatimah telah menziarahi Puan Norsilawati, Kerani Kanan, Unit Pengurusan Rekod, Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Johor yang baharu keluar dari hospital. Puan Norsilawati di diagnosis mengidap sakit hati bernanah dan menerima rawatan di Wad 3, Hospital Segamat hampir dua bulan. Sumbangan hasil kutipan dalam kalangan ahli Kelab BHEA telah diserahkan kepada Puan Norsilawati. Semoga kesihatan beliau makin baik dan dapat kembali bertugas seperti sedia kala.



Manakala, Pada 29 Oktober 2023, beberapa ahli kelab telah menziarahi keluarga staf yang sakit. Program ziarah ini di mulai dengan menziarahi Ibu Encik Mohammad Muarie (Bob) yang telah terlanter sakit. Ibu Encik Muarie telah di diagnosis kanser peringkat empat (4) dan telah merebak ke otak kiri, peparu serta hati. Atas faktor usia, kimoterapi tidak boleh dijalankan kepada ibu Encik Muarie, hanya diberi ubat tahan sakit dan morfin untuk bertahan. Sedikit sumbangan diserahkan kepada Encik Muarie bagi meringankan bebanan perubatan dan keperluan ibu Encik Muarie. (Ibu Encik Muarie telah meninggal dunia pada 07 November 2023, Al-Fatihah). Encik Azli, suami Puan Elyazani telah di rawat di Hospital Segamat hampir sebulan kerana jangkitan kuman. Encik Azli di rawat dengan diberi antibiotik. Program BHEA Prihatin juga menyerahkan sumbangan kepada Puan Elyazani. Didoakan semoga Puan Norsilawati dan Encik Azli terus sihat dan dipermudahkan segala rawatan. Sama-sama menjaga kesihatan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Johor.

PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT KE PERBANAS INSTITUTE, JAKARTA

Penulis: Dr Rosmawati Haron



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Johor.

Seramai 8 orang pelajar ijazah daripada Fakulti Perakaunan dan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan akan menjalani latihan industri di Perbanas Institute, Jakarta bermula September 2023 sehingga Februari 2024. Program anjuran Jabatan Perhubungan Antarabangsa (DIA) ini adalah di bawah petunjuk prestasi (PI012) – dimana pelajar dikehendaki menjalani pengajian selama satu (1) semester di luar negara. Menerusi Perbanas Institute Jakarta, pelajar-pelajar ditempatkan di bank-bank rakan kerjasama Perbanas Institute di sekitar Jakarta. Perbanas Institute, Jakarta merupakan rakan strategik UiTM Cawangan Johor semenjak 2022.

Pelajar yang terlibat adalah Aiman Sufi bin Mohamad Karim (BA251), Muhammad Nazreen Iskandar bin Jamaluddin (BA251), Nur Azlin Samad (BA240), Nurul Nabila Mohd Nor (BA249), Oni Nuraini Nasir (BA251), Nurdiana Syahira M Zaidi (AC220), Maizatul Nursyazwani Othman (AC220) dan Herda Hazmeera Fashya Amirul Hanif (AC220). Usaha ini tentunya akan memberikan pengalaman baru buat pelajar apabila mereka dapat merasai sendiri cara, gaya dan budaya kerja yang berbeza di luar negara.

PROGRAM TAKLIMAT KEWANGAN PROSES PERMOHONAN TUNTUTAN DAN PEMBAYARAN MENGUNAKAN TABUNG AMANAH AKADEMIK (TAA)

Penulis: Azmawati binti Azizan

Program Taklimat Kewangan Proses Permohonan Tuntutan dan Pembayaran menggunakan Tabung Amanah Akademik (TAA) telah diadakan pada 27 Februari 2024 mulai jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi. Taklimat yang dikendalikan oleh Encik Mohammed Affendy Mansor, Timbalan Bendahari UiTM Cawangan Johor ini bertujuan menambah pengetahuan dalam ilmu pengurusan kewangan berdasarkan arahan perbendaharaan, pekeliling bendahari dan lain-lain dasar. Kesilapan dapat diminimumkan ketika membuat tuntutan serta pembayaran dan secara tidak langsung dapat menjimatkan kos termasuk masa, kertas dan tenaga sekiranya dilakukan dengan tepat dan teliti.

Seramai 54 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan staf pentadbiran telah menyertai program taklimat ini. Secara keseluruhannya, aktiviti ini telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang. Taklimat kewangan ini diharapkan dapat memberi input baharu kepada semua yang terlibat dalam pengurusan Tabung Amanah Akademik (TAA).

Kerjasama antara peserta amat menggalakkan. Penceramah juga telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang amat baik dan berguna mengenai tajuk yang dibentangkan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Johor.



Seramai 10 orang pensyarah daripada Perbanas Institute telah datang sebagai pensyarah tamu kepada pelajar Fakulti Perakaunan dan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Program anjuran Jabatan Perhubungan Antarabangsa (DIA), UiTM Cawangan Johor ini juga turut mengadakan perbincangan kajian bersama bagi menjayakan lima (5) memorandum persefahaman (MOA) menerusi Geran Rakan Strategik yang telah bermula pada 6 Jun 2023. Lawatan ini telah diadakan pada 5 hingga 8 Jun 2023 yang lepas.



Sepanjang program ini, pensyarah Perbanas Institute Jakarta telah mengadakan siri syarahan kepada 200 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 6 (AC220) dan pelajar semester 4 (BA240). Selain daripada perkongsian akademik, delegasi daripada Perbanas Institute juga turut dibawa melawat kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampus seperti Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), ruangan *Food Cart*, *Trading Room*, *Big Data Lab*, Perpustakaan Tun Dr Ismail, dan Pusat Inkubator dan Spa UiTM Cawangan Johor. Lawatan pensyarah Perbanas Institute Jakarta terdiri daripada Dr. Hedwigis Esti Riwayati (Dekan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan), Dr. Jasman, Dr. Atik Djajanti, Dr. Tifa Noer Amelia, Ridarmelli, Edy Sukarno, Rizal Mawardi, Nani Fitriani, Inung Wijayanti, dan Prameswara Samofa Nadya.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LAWATAN AKADEMIK PERBANAS INSTITUTE, JAKARTA KE UiTM CAWANGAN JOHOR.

Penulis: Dr. Rosmawati Haron

HARI KELUARGA BHEA

Penulis: Siti Fatimah binti Mohd Noh



Bertempat di Kompleks Laman Tiga Budaya Asahan, Jasin, Melaka satu program anjuran Kelab Staf Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) telah berjaya dilaksanakan pada 25 Januari 2024 yang lalu. Program yang dinamakan sebagai Hari Keluarga BHEA ini merupakan program tahunan Kelab Staf BHEA yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim serta memupuk kerjasama antara ahli kelab dan keluarga masing-masing.



Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya sukaneka, aktiviti dalam kumpulan dan acara yang ditunggu-tunggu iaitu acara bertukar hadiah antara staf. Sepanjang acara berlangsung, kepelbagaian hadiah yang disediakan oleh ahli kelab telah mengundang gelak tawa dan usik-mengusik antara staf. Suasana ini tentunya dinantikan setelah penat bekerja dan bertungkus lumus melaksanakan tugas hakiki masing-masing di pejabat. Kesemua pengisian program ini diatur dengan teliti oleh jawatankuasa yang dilantik bagi meningkatkan semangat kerjasama, tolong-menolong dan serta perpaduan dalam kalangan warga BHEA.

Program yang dilaksanakan ini juga telah membuka minda dan kesedaran terhadap pasangan staf untuk sama-sama menyumbang ke arah peningkatan mutu kerja. Usaha ini diharapkan berterusan bagi menerapkan gaya hidup yang lebih sihat dan mampu menyumbang kepada penurunan tekanan dalam menjaga kesihatan mental kakitangan di BHEA.



*Pati ditumbuk di petang redup,
Perlahan-lahan kudrat dikerah,
Beras dan sekamnya bercerai juga,
Dalam sibuk menghayati hidup,
Berpesan-pesan pada ukhuwah,
kekal hendaknya sampai ke syurga.*

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

TEAM BUILDING PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 2024

Penulis: Ahmad Faidzal Khodori dan Hazriel Faizal Pahroraji

Pada 26 dan 27 Februari 2024, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal (PKM) telah menganjurkan satu Program Team Building bertempat di Punggai Bayu Beach Resort, Kota Tinggi, Johor. Program yang disertai oleh pensyarah dan staf ini dijalankan dengan objektif untuk memperkukuhkan hubungan antara kakitangan PKM serta meningkatkan kerjasama dalam menjalankan tugas-tugas akademik dan pentadbiran. Program bermula di bangunan PKM dengan sesi pembukaan yang telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian PKM, Encik Mohd. Ghazali bin Mohd. Hamami, disusuli dengan aktiviti "*Treasure Hunt*", dimana semua staf dibahagikan kepada kumpulan kecil sebelum perjalanan ke lokasi *team building* dan diberikan teka-teki berkaitan lokasi yang perlu dicari ketika dalam perjalanan dan mengambil gambar lokasi tersebut.

Seterusnya, sesi "*Ice-breaking*" dijalankan di lokasi *team building* bertujuan untuk memulakan interaksi antara peserta. Di sepanjang program berlangsung pelbagai aktiviti 'Latihan Dalam Kumpulan (LDK)' yang menarik seperti sukaneka dan cabaran fizikal. Kesemua aktiviti *team building* dirancang dengan tujuan menjadi platform bagi pensyarah dan staf untuk berinteraksi dalam persekitaran yang santai dan tidak formal. Ini membantu dalam memupuk hubungan yang lebih rapat di luar persekitaran pejabat dan menambah kesedaran akan keperluan untuk bekerjasama dalam mencapai matlamat bersama.

Di penghujung program, sesi penutup diadakan di mana peserta diberi peluang untuk berkongsi pengalaman dan kesan program terhadap mereka secara peribadi. Secara keseluruhan, program *team building* ini tidak hanya memberi manfaat kepada hubungan antara pensyarah dan staf PKM tetapi juga memperkukuhkan ikatan antara mereka, mencipta suasana kerja yang lebih positif dan berkesan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



HEP

HAL EHWAL PELAJAR

2024

KURSUS PEMANTAPAN STAF BHEP UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis : Siti Nor Hadijah Md Supaat

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) Kampus Segamat telah menganjurkan Kursus Pemantapan Staf HEP pada 22 – 24 November 2023 bertempat di Hotel UiTM Dungun. Kursus ini melibatkan 33 orang peserta yang merupakan staf BHEP dari semua unit dan peringkat jawatan. Program ini memfokuskan kepada penekanan amalan ESI i-DART dalam diri semua staf BHEP. Slot ceramah disusun bersama slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bagi memastikan semua staf memberikan komitmen terbaik sepanjang kursus. Pihak penganjur juga turut menjemput YBhg. Prof. Amer Syakir Zainol, Mantan Pengarah IMPAK untuk berkongsi ilmu mengenai DNA ESI i-DART dalam diri staf UiTM.

Secara keseluruhannya kursus ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dan peserta juga telah didedahkan dengan pelbagai ilmu berkaitan sistem pengurusan di UiTM Cawangan Johor serta mendapat suntikan semangat hasil dari ceramah yang disampaikan. Objektif kursus yang disasarkan adalah menghayati nilai-nilai dan etika kerja selaras dengan matlamat organisasi, membina peribadi yang mempunyai kesungguhan bekerja, berinisiatif, bermotivasi dan amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, menyedari betapa perlunya mewujudkan sikap positif dan perhubungan baik serta bekerjasama dalam menjalankan tugas harian serta memberi pendedahan kepada maklumat pengurusan terkini. Pada keseluruhannya kursus ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MALAYSIAN POLYCC INTERNATIONAL ORIENTEERING CHAMPIONSHIP

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali

Kejohanan sukan orienteering bertaraf antarabangsa "World Ranking Event" Malaysia MyO Asia Cup 2023, telah berlangsung di Anjung Floria dan Taman Botani pada 18 dan 19 November 2023. Terbahagi kepada dua, kejohanan "Sprint Distance World Ranking" telah dilaksanakan di Anjung Floria, manakala pada 19 November 2023 pula kejohanan "Middle Distance National Ranking" dilaksanakan di Taman Botani.

Penganjur utama kejohanan ini adalah Persatuan Sukan Orienteering Malaysia (PESOM) dengan penganjuran bersama Perbadanan Putrajaya dan telah mendapat sanksi (*sanctioned*) oleh *International Orienteering Federation (IOF)*. Kejohanan ini juga telah mendapat sokongan daripada Kementerian Belia & Sukan Malaysia dan Tourism Malaysia.

Unit Kokurikulum telah menghantar penyertaan bagi kategori *men open* 21 melalui wakil staf Encik Muhammad Noriman bin Mohd Ali dan Encik Nor Bazran bin Baharum. Program ini turut mendapat penyertaan daripada enam (6) orang wakil pelajar Komander Kesatria. Objektif utama penyertaan kejohanan sukan orienteering adalah untuk mempraktikkan kemahiran navigasi dan pembacaan peta dalam kalangan staf kokurikulum dan peserta daripada Komander Kesatria.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KUALA LUMPUR CITY DUATHLON 2023

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali.

Kuala Lumpur City Duathlon 2023 yang berlangsung pada 10 Disember 2023 menyaksikan penyertaan tertinggi membabitkan atlet elit, amatur dan juga *junior* sekali gus mengekalkan statusnya sebagai acara *duathlon* terbesar di Malaysia. Unit Kokurikulum telah menyertai pertandingan tersebut dengan menghantar staf kokurikulum iaitu Encik Muhizan Bin Miskam sebagai peserta dan disertai juga oleh enam (6) orang wakil pelajar daripada Majlis Perwakilan Komander Kesatria Batalion 6.

Tahniah dan Syabas kepada Komander Kesatria UiTM Cawangan Johor yang telah memenangi tempat pertama dan kedua dalam pertandingan *Kuala Lumpur City Duathlon 2023* yang diadakan di Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya. Ke semua peserta daripada staf kokurikulum dan Komander Johor telah memberikan usaha dan prestasi yang sangat baik untuk meraih kejuaraan dan tempat teratas bagi menaikkan nama UiTM Cawangan Johor ke peringkat antarabangsa. Acara ini merupakan acara sukan gabungan berlari dan berbasikal. Kejayaan ini adalah hasil kerja keras mereka dibawah bimbingan staf Unit Kokurikulum, Encik Muhizan bin Miskam, selaku jurulatih mereka. Semoga kejayaan demi kejayaan akan dapat diraih di masa akan datang.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MAJLIS BERSAMA REKTOR DAN PERASMIAN KEM SIMFONI ALAM

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali

Majlis Rektor Bersama Pegawai Kehormat Kesatria anjuran Unit Kokurikulum, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah berlangsung pada 13 Disember 2024 bertempat di Bilik Seminar Nilam. Majlis turut dihadiri oleh semua Pegawai Kehormat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Majlis dimulakan dengan taklimat Hal Ehwal Kesatria yang terkini daripada Penolong Pendaftar Kanan Kokurikulum, Encik Ujud bin Pabil, seterusnya acara penyerahan surat lantikan semula kepada Pegawai Kehormat Kesatria dan Penasihat Kompeni dilaksanakan. Bagi mengemaskini baju uniform no 5, perasmian lambang sayap BN VI untuk uniform no 5 telah disempurnakan oleh YBhg Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dan kemudiannya pemakaian kepada semua pegawai kehormat kesatria dilakukan.



Setelah selesai, majlis berpindah tempat ke kawasan rempuh halangan bagi meneruskan Majlis Perasmian Kem Simfoni Alam. Kem yg merupakan asas tapak perkhemahan dirasmikan oleh YBhg Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof Madya Dr Saunah Zainon. Seramai 120 hingga 150 orang kapasiti pelajar boleh dimuatkan pada satu-satu masa bagi penggunaan kem tersebut. Kem ini dibina bersebelahan litar rempuh halangan dan bersebelahan kawasan hutan UiTMCJ. Kem Simfoni Alam diletakkan dibawah tanggungjawab Unit Kokurikulum, UiTMCJ, Kampus Segamat.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

UNI-NATURE RUN @ SEGAMAT 3.0 DAN MAJLIS PELANCARAN SOUTHERN VOLUNTEERS JOHOR.

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali.

Memasuki kali ketiga penganjurannya, *Uni-Nature Run @ Segamat 3.0* telah berlangsung meriah dengan kehadiran seramai 4,000 peserta dari seluruh Daerah Segamat dan luar Segamat. Program ini telah dianjurkan oleh Unit Kokurikulum, Kampus Segamat dengan Kerjasama Majlis Perwakilan Komander Kesatria Batalion 6 pada 9 Disember 2023. Majlis Perasmian bagi pelepasan peserta *Uni Nature Run @ Segamat 3.0* telah disempurnakan oleh YBhg Rektor Prof. Madya Dr Saunah Zainon pada jam 8 pagi dengan pelepasan peserta 12KM Open, 6KM Man and Woman Open dan 3KM Fun Run. Penganjuran *Uni Nature Run* masih lagi mengekalkan konsepkan 'NATURE' dan telah membawa peserta menikmati kehijauan alam sekitar di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) melalui aktiviti larian.

Program larian telah tamat pada jam 10 pagi dan diteruskan dengan Majlis Pelancaran *Southern Volunteers* (SV). UiTMCJ telah menjadi universiti pertama dengan penyertaan hampir 2,000 sukarelawan terdiri daripada mahasiswa UiTM Cawangan Johor. Pelancaran SV ini telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia Dan Sukarelawan), Dato' On Jabbar bersempena Program *Uni Nature Run 3.0 @ Segamat*



Turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat merangkap Pengerusi *Southern Volunteer* Daerah Segamat, Ungku Mohd Tahir Ungku Mohd Zakaria, Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon serta Pengerusi Majlis Belia Daerah Segamat, Mohd Faiz Mohamad.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM KESUKARELAWANAN DAN SULAM ANTARABANGSA UiTM CAWANGAN JOHOR DENGAN KOLABORASI UNIVERSITAS BATAM (UNIBA)

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali.

Program Kesukarelawanan dan SULAM Antarabangsa UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) melalui kolaborasi bersama Universitas Batam (UNIBA) telah diadakan pada 13-17 November 2023 di Batam, Indonesia, dianjurkan oleh Unit Kokurikulum UiTM CJ, Kampus Segamat. Program ini telah melibatkan seramai 18 orang mahasiswa kursus kokurikulum HPD233 Khidmat Masyarakat Tahap 2 (Diploma dan Sarjana Muda) dan seramai 12 orang mahasiswa UNIBA dari pelbagai fakulti. Turut serta dalam program ini adalah empat (4) orang pegawai/pensyarah pengiring UiTM CJ, Kampus Segamat dan 13 orang pegawai/pensyarah daripada UNIBA di bawah Lembaga Penelitian dan Pengabdian Kepada Masyarakat UNIBA (LPPM) sepanjang program ini diadakan di sana.

Program ini telah diselenggarakan oleh Pegawai Pengiring, Cik Norsyidah binti Mahmat Sani (Pegawai Eksekutif Kanan (Kokurikulum), manakala Ketua Urusetia adalah Puan Hairiani binti Abdul Hamid (Pensyarah Kanan FPP) dan dibantu oleh Puan Nor Diana binti Hj. Abdul Rahman dan Puan Rusnani binti Mohamad Khalid, Pensyarah KPPI.

Antara objektif program ini adalah melahirkan mahasiswa yang prihatin dan bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara. Selain itu, meningkatkan kemahiran mengurus aktiviti di samping memupuk kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa. Para peserta didedahkan dengan aktiviti yang menyumbang kepada komuniti sekaligus memberi pengalaman baru kepada mereka untuk mempelajari budaya, bahasa malahan persekitaran antara kedua-dua buah negara serumpun ini.

Program ini telah memberikan impak yang sangat besar kepada UiTM Cawangan Johor amnya bagi mencapai petunjuk prestasi yang digariskan oleh universiti dan khususnya kepada mahasiswa daripada kursus kokurikulum HPD233 Khidmat Masyarakat Tahap 2 dalam membina nilai tambah kemahiran insaniah yang diterapkan melalui silibus dan aktiviti kokurikulum sedia ada melalui program/aktiviti kesukarelawanan dan SULAM pengantarabangsaan.

KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS KOR SUKSIS TAHUN 2023

Penulis: ASP/KS Abd Malik Mohd Rick dan KS/86762 Muhammad Rozairi Rosmidi



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Pada 12 hingga 17 November 2023 yang lalu telah berlangsungnya Kursus Asas Pertolongan Cemas (KAPC) bertempat di Kompleks Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kuah, Langkawi. Program ini melibatkan gabungan 36 orang peserta Skwad 9 KOR SUKSIS UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) dan 70 orang peserta Skwad 18 KOR SUKSIS UiTM Shah Alam.

Kursus ini diselia oleh Angkatan Pertahanan Awam Langkawi diketuai oleh Kapten (PA) Ahmad Shahfikri bin Darus, Pegawai Pertahanan Awam, Daerah Langkawi dan dibantu oleh para jurulatih dan anggota skuad elit PASPA. Turut serta dalam kursus ini ialah wakil SUKSIS UiTM Insp Shamsiah Noor binti Zakaria, Pegawai Kehormat SUKSIS UiTMCJ ASP/KS Abd Malik bin Mohd Rick dan juruiring IPD Segamat, Konstabel Fariq Iskandar bin Faisal Rizal.

Sepanjang kursus enam (6) hari lima (5) malam ini, para pelatih KOR SUKSIS telah diberi peluang mempelajari dan menguasai teknik asas pertolongan cemas yang diajar secara teori dan latihan menyelamat di air melalui latihan lapangan bertempat di Menara Penyelamat Pantai Tengah, Langkawi. Para pelatih turut menjalani latihan praktikal mengenai bantuan awal pertolongan cemas seperti teknik untuk pembalutan (merawat kepatahan), pertolongan cemas dan *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) secara *hands-on* di Kompleks APM Kuah. Di penghujung kursus, Dr Basaruddin Shah bin Basri, Timbalan Rektor HEP UiTMCJ telah turut hadir dalam Majlis Penutup kursus bagi meraikan kejayaan para pelatih menamatkan kursus dengan jayanya. Para pelatih dilihat mempunyai keyakinan dalam menghadapi situasi cemas dan bersedia dengan teknik bantuan awal pertolongan cemas.

KURSUS ETIKA DAN PENGURUSAN INTEGRITI KOR SUKSIS TAHUN 2024

Penulis:
ASP/KS Abd Malik Mohd Rick
dan
Muhammad Nur Fitri Shahlizam



Kursus Etika dan Pengurusan Integriti adalah salah satu kursus kemajuan diri di bawah silibus Latihan Kor SUKSIS yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pelatih Junior Skwad 10 Kor SUKSIS UiTM Cawangan Johor pada 18 Februari 2024 hingga 23 Februari 2024 yang lalu. Kursus ini melibatkan seramai 36 orang pelatih Skwad 10 bersama 6 orang pelatih Skwad 9 yang bertugas sebagai urusetia kursus.

Kursus ini dikendalikan oleh dua orang fasilitator dari Polis DiRaja Malaysia, Insp Mohd Hafidz Bin Hussin selaku Pegawai Latihan SUKSIS Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Insp Sayuti bin Mohammad selaku Pegawai Latihan SUKSIS Universiti Malaya (UM).

Aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam kursus ini, terbahagi kepada 2 iaitu aktiviti dalam bilik kuliah dan aktiviti luar. Aktiviti kursus merangkumi aktiviti seperti *ice breaking*, pembahagian kumpulan, latihan dalam kumpulan dan persembahan. Manakala aktiviti luar merangkumi aktiviti keyakinan diri "*blindfold*", trivia simbol rakan, belon kesayanganku dan senaman pagi. Kesemua aktiviti yang dilaksanakan adalah bagi menerapkan nilai-nilai murni dan etika kerja berpasukan dalam PDRM disamping mengukuhkan sikap kerjasama serta disiplin antara pelatih, menyerlahkan bakat pelatih yang terpendam serta mengaplikasikan nilai kepimpinan dalam diri bagi membentuk jati diri pelatih unit beruniform serta sebagai mahasiswa

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KURSUS KEPIMPINAN SURVIVAL TANAH AIRKU DAN UiTM DIHATIKU - PEMIMPIN PATRIOTIK DAN NILAI ESI-IDART

Penulis: ASP/KS Abd Malik Mohd Rick, Irwan Bin Ismail dan KS/86775 Nur Asilah Haziqah Othman

Kursus Kepimpinan Survival Tanah Airku Dan UiTM Dihatiku - Pemimpin Patriotik Dan Nilai ESI-IDART telah diadakan pada 27 hingga 29 Disember 2023 yang bertempat di Murni Camp Gopeng, Perak. Program tiga (3) hari dua (2) malam ini telah dianjurkan oleh Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Johor. Para peserta bagi kursus ini adalah terdiri daripada 37 orang pelajar dari unit beruniform Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) dan dikendalikan oleh empat (4) orang fasilitator iaitu Encik Irwan Bin Ismail selaku Ketua Unit Kepimpinan Pelajar, ASP/KS Abd Malik Bin Mohd Rick selaku Pegawai Kehormat SUKSIS, Encik Mohd Azim Bin Sardan dan Encik Mohd Khairul Ariff Bin Noh.

Di sepanjang program ini diadakan, para peserta telah diterapkan dengan nilai-nilai kepimpinan bagi melahirkan modal insan penggerak perjuangan yang berjiwa kental serta berkebolehan memimpin, di samping membangunkan potensi kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelajar badan beruniform. Aktiviti-aktiviti luar yang diadakan juga turut menerapkan latihan bagi membentuk pemimpin yang mempunyai teras nilai-nilai ESI-IDART UiTM serta menyediakan platform saluran semangat dan inspirasi dalam kalangan pemimpin pelajar badan beruniform bagi menjadi penyumbang kemajuan masa depan. Diharapkan lebih banyak lagi program seumpama ini dianjurkan pada masa akan datang bagi memupuk dan menyemai semangat kepimpinan berteraskan nilai-nilai murni ESI-IDART dalam kalangan mahasiswa UiTM.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Pada 14 Mac 2024, Unit Kerjaya dan Kaunseling dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran dan Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) Kampus Segamat telah menganjurkan Program Psikologi Hebat Siri 1/2024 yang bertempat di Ruang LCE, Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1. Program ini akan dijalankan sebanyak lima siri bermula Mac 2024 sehingga September 2024. Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan ilmu berkaitan isu kesihatan mental dalam kalangan warga UiTM khususnya kepada staf UiTMCJ Kampus Segamat.

Seramai 100 orang peserta terdiri daripada staf pentadbiran dan staf akademik telah hadir ke Program Psikologi Hebat siri 1/2024 yang bertajuk "Letihnya Puasa Kepada Psikologi". Penceramah bagi siri 1/2024 ini dijemput khusus dari UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah iaitu Encik Mohd Bakri bin Husain. Beliau merupakan Pegawai Psikologi Kanan, yang sangat berpengalaman dan berpengetahuan luas. Antara pengisian yang dijalankan sepanjang tiga jam program adalah sesi perkongsian mengenai isu kesihatan mental yang terkini dan juga beberapa aktiviti yang memerlukan peserta untuk berfikir di luar kotak. Pihak penganjur juga dengan rasa berbesar hati telah menjemput Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Saunah binti Zainon selaku Rektor UiTM Cawangan Johor bagi merasmikan Program Psikologi Hebat Tahun 2024. Turut hadir ialah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Ketua Pustakawan, Timbalan Pegawai Psikologi dan Pegawai Eksekutif Bahagian Pentadbiran.

Semoga penganjuran program ini mampu memupuk kesedaran tentang kesihatan mental dalam kalangan staf selain menggalakkan mereka membantu antara satu sama lain dalam mengekalkan kesejahteraan minda dan emosi masing-masing.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM PSIKOLOGI HEBAT 1/2024 : LETIHNYA PUASA KESAN KEPADA PSIKOLOGI.

Penulis : Faizul Adenan

KEJOHANAN SUPER UiTM 2024

Penulis: Noor Azah Ab.Hamid



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Kejohanan Super UiTM merupakan salah satu acara yang dianjurkan bagi memilih pemain-pemain berbakat untuk mewakili UiTM ke kejohanan peringkat universiti, Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), kebangsaan dan antarabangsa. Kejohanan ini juga dapat memberikan impak kepada Matlamat 3: *Sustainable Development Goals* (SDG) iaitu *Good Health and Wellbeing* dalam usaha UiTM mempromosikan gaya hidup sihat dan sejahtera melalui penganjuran program seumpama ini kepada warga kampus.

Selain mencari atlet terbaik, kejohanan ini juga berobjektifkan untuk membudayakan iDART dalam kalangan atlet dan pegawai melalui disiplin yang diterapkan dalam latihan, dan tanggungjawab mematuhi peraturan bagi menjaga nama baik kejohanan dan UiTM. Usaha ini tentunya bakal melahirkan atlet yang berbakat serta mempunyai disiplin yang holistik. Pada 9 hingga 14 Januari 2024, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah menyertai Kejohanan Super UiTM yang berlangsung di UiTM Shah Alam. Sukan yang dipertandingkan adalah Silat, Taekwondo, Tenpin Bowling, dan Boling Padang. Walaupun penganjuran sukan ini di penghujung semester, namun semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan atlet UiTMCJ wajar diberikan pujian. Ini terbukti apabila UiTMCJ telah menamatkan kejohanan dengan kilauan 2 Emas, 2 Perak dan 7 Gangsa. Semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat untuk kejohanan akan datang.

UNIFIT : LET'S GO ACTIVE @ BUKIT JEMENTAH

Penulis: Noor Azah Ab. Hamid

Program ini bertujuan mempromosikan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan warga UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Program ini terhasil daripada cetusan idea semasa Kursus Pemantapan Staf Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Tahun 2023, pada 22 hingga 24 November 2023 yang lalu bertempat di Hotel UiTM Dungun, Terengganu. Walaupun fokus utama kepada staf yang mempunyai masalah berat badan, tetapi apabila aktiviti ini dibudayakan, ia akan memberi impak yang lebih besar kepada seluruh warga UiTMCJ. Gaya hidup aktif mampu memberi nilai tambah kepada peningkatan kualiti dan mutu perkhidmatan yang ditawarkan kepada pemegang taruh. Kakitangan yang cerdas akan menyumbang kepada pelaksanaan perkhidmatan yang lebih efisien sekaligus mewujudkan budaya kerja yang produktif.

Siri *UniFit: Let's Go Active* telah dimulakan dengan program pertamanya pada 1 Februari 2024 (Khamis) di Bukit Jementah, Segamat. Dengan penyertaan seramai 26 orang staf pelbagai bahagian dan unit, siri ini telah mencapai objektifnya apabila pendakian ke Bukit Jementah telah berjaya dilaksanakan. Semoga pelaksanaan aktiviti sebegini dapat menarik minat warga UiTM Cawangan Johor untuk terus menjalani gaya hidup aktif. Jaga diri, kekal aktif dan amalkan gaya hidup sihat.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KARISMA PULAU PINANG

Penulis: Siti Sakinah Ismail

UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) UiTM Kali Ke-28 yang telah diadakan pada 20 - 27 September 2023 bertempat di UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh. Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi. Manakala Majlis Penutup pula, telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Bin Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM pada 24 September 2023 bertempat di Dewan Besar, UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Tahniah dan syabas kepada semua atlet yang telah berhempas-pulas mengharumkan nama UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ). Alhamdulillah pada penganjuran kali ke-28 ini, UiTMCJ telah menduduki tempat ke-6 dengan jumlah kutipan pingat sebanyak 21 pingat secara keseluruhannya. UiTMCJ telah membawa pulang sebanyak lima (5) pingat Emas, lima (5) Perak dan 11 Gangsa.



KARNIVAL SUKAN MAHASISWA
KARISMA XXVIII
2023
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
KEDUDUKAN PINGAT

KED.	KONTINJEN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	SELANGOR	26	17	10	53
2	SHAH ALAM	20	15	28	63
3	PAHANG	8	9	17	34
4	NEGERI SEMBILAN	7	9	14	30
5	SARAWAK	5	8	3	16
6	JOHOR	5	5	11	21
7	KELANTAN	3	5	16	24
8	MELAKA	3	4	11	18
9	PERLIS	2	5	15	22
10	SARAWAK	2	2	6	10
11	PERAK	2	1	9	12
12	KEDAH	1	3	6	10
13	TERENGGANU	1	2	10	13
14	PULAU PINANG	1	1	4	6

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARISMA) UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 2024

Penulis: Noor Azah Ab. Hamid



UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menjadi tuan rumah Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) UiTM Kali Ke-29 (XXIX) 2024 yang telah diadakan pada 26 Februari 2024 hingga 4 Mac 2024 bertempat Kampus Seremban, Kampus Rembau dan Kampus Kuala Pilah. Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Amiruddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Pada temasya tahun 2024 ini UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah menghantar 150 orang atlet dan 18 orang jurulatih kesemuanya. Mendapat tempat kesembilan dengan jumlah kutipan pingat sebanyak 21 pingat secara keseluruhannya, UiTMCJ telah membawa pulang dua pingat emas, tiga perak dan 16 gangsa. Karnival ini telah melabuhkan tirai pada 4 Mac 2024 di Dewan Biduanda, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Yamin Yasin, menjalankan fungsi Rektor, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Turut diiringi Encik Ahmad Tarmizy Mohammed, Pengarah Pusat Sukan, Ahli JKEN & JP FSPPP, Rektor-rektor serta Timbalan Rektor Cawangan UiTM. Tahniah dan Syabas kepada seluruh atlet dan Pengurusan UiTM Cawangan Johor.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

ZIARAH MAHABBAH 2024.

Penulis: Ahmad Saufi Ahmad Jawahir



Unit Zakat Sedekah dan Wakaf (UZSW) telah melaksanakan aktiviti Ziarah Mahabbah. Program ini dijalankan agar dapat melihat sendiri realiti kehidupan asnaf dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Johor di kedua-dua kampus. Memandangkan jumlah asnaf terlalu ramai, pihak UZSW telah melaksanakan aktiviti ini secara berperingkat sejak tahun 2022. Ziarah ini bertujuan menyantuni para pelajar bantuan zakat UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) dan seterusnya memberi suntikan semangat kepada mereka untuk berjaya dalam pelajaran.

Bagi tahun 2024, pihak UZSW secara aktif melaksanakan aktiviti ziarah ini bagi memastikan bantuan yang diberikan sampai kepada asnaf yang tepat. Disamping cakna terhadap perkembangan pelajar, pihak UZSW juga dapat berkenalan lebih dekat dengan keluarga mereka. Pada 27 Februari 2024, Ziarah Mahabbah 2024 diteruskan dengan lawatan ke beberapa rumah pelajar sekitar Johor Bahru dan Pasir Gudang. Program ini telah diketuai oleh Dr. Mohd Rilizam (Unit Zakat dan Sedekah, UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang), Ustazah Azizah (Unit Hal Ehwal Islam) dan En Ahmad Saufi Bin Ahmad Jawahir (BHEP). Semoga program ini sedikit sebanyak dapat memberi keceriaan buat mahasiswa/i UiTMCJ.

PROGRAM PSIKOLOGI HEBAT 1/2024 : LETIHNYA PUASA KESAN KEPADA PSIKOLOGI.

Penulis : Faizul Adenan

Pada 14 Mac 2024, Unit Kerjaya dan Kaunseling dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran dan Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) Kampus Segamat telah menganjurkan Program Psikologi Hebat Siri 1/2024 yang bertempat di Ruang LCE, Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1. Program ini akan dijalankan sebanyak lima siri bermula Mac 2024 sehingga September 2024. Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan ilmu berkaitan isu kesihatan mental dalam kalangan warga UiTM khasnya kepada staf UiTMCJ Kampus Segamat.

Seramai 100 orang peserta terdiri daripada staf pentadbiran dan staf akademik telah hadir ke Program Psikologi Hebat siri 1/2024 yang bertajuk "Letihnya Puasa Kesan Kepada Psikologi". Penceramah bagi siri 1/2024 ini dijemput khusus dari UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah iaitu Encik Mohd Bakri bin Husain. Beliau merupakan Pegawai Psikologi Kanan, yang sangat berpengalaman dan berpengetahuan luas. Antara pengisian yang dijalankan sepanjang tiga jam program adalah sesi perkongsian mengenai isu kesihatan mental yang terkini dan juga beberapa aktiviti yang memerlukan peserta untuk berfikir di luar kotak. Pihak penganjur juga dengan rasa berbesar hati telah menjemput Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Saunah binti Zainon selaku Rektor UiTM Cawangan Johor bagi merasmikan Program Psikologi Hebat Tahun 2024. Turut hadir ialah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Ketua Pustakawan, Timbalan Pegawai Psikologi dan Pegawai Eksekutif Bahagian Pentadbiran.

Semoga penganjuran program ini mampu memupuk kesedaran tentang kesihatan mental dalam kalangan staf selain menggalakkan mereka membantu antara satu sama lain dalam mengekalkan kesejahteraan minda dan emosi masing-masing.



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN KELAB / PERSATUAN UiTM CAWANGAN JOHOR 2022/2023

Penulis: En Ahmad Saufi Ahmad Jawahir

Majlis Anugerah Kecemerlangan Kelab/Persatuan UiTM Johor 2022/2023 telah diadakan pada 09 November 2023 bertempat di Amansari Residence Resort, Bandar Seri Alam, Johor. Program ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof Dr. Hj Mohd Sazili Shahibi. Turut hadir bersama ke majlis ini adalah YBrs Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dan kesemua ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) serta ketua-ketua bahagian/unit UiTM CJ.

Anugerah Kecemerlangan Kelab/Persatuan Pelajar UiTM Cawangan Johor merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kelab/persatuan dalaman yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten. Anugerah ini membuka peluang kepada kelab/persatuan dalaman untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam, dan lain-lain. Selain itu, anugerah ini juga mendorong lebih ramai pelajar dan para pensyarah untuk terus bergiat aktif untuk mencapai kecemerlangan di pelbagai lapangan. Semoga usaha ini dapat memacu kecemerlangan warga UiTM Cawangan Johor selaras dengan falsafah UiTM. Berikut merupakan senarai pemenang Anugerah Kecemerlangan Kelab/Persatuan Pelajar UiTM Cawangan Johor 2022/2023:

1. Anugerah Kepimpinan Kolej Kediaman (Jawatankuasa Kolej Salsabila)
2. Anugerah Kepimpinan Fakulti / Persatuan / Kelab (Majlis Perwakilan Komander Kesatria)
3. Anugerah Kepimpinan Kesenian Dan Kebudayaan (Majlis Perwakilan Pelajar)
4. Anugerah Kepimpinan Keusahawanan (Majlis Perwakilan Pelajar)
5. Anugerah Kepimpinan Pencapaian Sukan (Jawatankuasa Sukan Pelajar)
6. Anugerah Kepimpinan Pengucapan Awam / Komunikasi (Kelab Debat Dan Pidato)
7. Anugerah Kepimpinan Wacana (Intelek Civil Engineering Club)
8. Anugerah Khas Juri (Majlis Perwakilan Pelajar)



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MAJLIS PERASMIAN FOOD BANK SISWA DAN DAPUR HEP

Penulis: Ahmad Saufi Ahmad Jawahir



Pada 12 Disember 2024, Majlis Perasmian Food Bank dan Dapur HEP telah berlangsung dengan jayanya. Food Bank dan Dapur HEP merupakan salah satu inisiatif yang dilancarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM bertujuan mengurangkan beban para pelajar dalam perbelanjaan seharian dan menyediakan keperluan makanan kepada pelajar yang memerlukan.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang tidak terkecuali mewujudkan Food Bank dan Dapur HEP tersebut. Memandangkan Kampus Pasir Gudang merupakan kampus *Private Fund Initiative* (PFI) yang tidak membenarkan aktiviti memasak, pihak HEP mengambil pendekatan untuk menyatukan Pusat Food Bank Siswa dan Dapur HEP di Bangunan Budisiswa. Projek ini merupakan projek usahasama antara HEP dan pengusaha penggerai di Medan Selera Sri Mersing. Pengusaha akan memasak makanan yang telah siap dan diserahkan ke Pusat Food Bank Siswa dan Dapur HEP untuk diagihkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Pihak HEP juga mengeluarkan kupon kepada pelajar yang memenuhi syarat seperti pendapatan keluarga di bawah RM1,000.00 atau pelajar B40 yang tidak mampu membeli makanan harian. Rekod dan semakan juga dijaga oleh pihak HEP.



Pusat ini dibuka setiap hari bermula 11:30 pagi sehingga 2:30 petang (iaitu waktu puncak pelajar berehat) pada Ahad sehingga Khamis dan dijaga oleh staf/sukarelawan bertugas. Inisiatif Food Bank Siswa dan Dapur HEP bertujuan meringankan beban pelajar yang kurang berkemampuan. Bantuan yang disediakan dari segi makanan asas mahupun bermasak (bergantung kepada sumbangan). Pelajar juga boleh menghubungi pegawai seperti memo di pintu pada waktu ketiadaan staf. Semoga usaha ini dapat membantu pelajar yang memerlukan dalam menjaga kebajikan mahasiswa.

SUKARELAWAN PROGRAM STANDARD CHARTERED SINGAPORE MARATHON 2023 (SCSM)

Penulis: En Ahmad Saufi Ahmad Jawahir

Seramai 180 orang pelajar bersama empat (4) orang pegawai pengiring UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang telah terpilih menjadi sukarelawan Program *Standard Chartered Singapore Marathon 2023* pada 2 - 3 Disember 2023 bertempat di sekitar Singapura. Program ini merupakan anjuran *IRONMAN Asia* dengan sokongan kerajaan Singapura yang melibatkan penyertaan ribuan pelari dari seluruh dunia. Program larian ini mendapat penyertaan besar-besaran dan satu-satunya perlumbaan yang tersenarai dalam statistik Label Emas Olahraga Dunia (*World Athletics Gold Label*) di Asia Tenggara.

Jalinan kerjasama dalam program ini merupakan kali kedua selepas penglibatan 160 pelajar dari Kampus Segamat dan Pasir Gudang pada tahun 2022. Sekaligus menjadikan penglibatan pelajar paling ramai di peringkat antarabangsa. Pihak HEP ingin merakamkan sekalung penghargaan buat Unit Komunikasi Korporat dan Pengurusan Tertinggi UiTMCJ yang telah memberi sokongan dalam program ini. Semoga program ini mampu memberi pengalaman baru dan bermakna buat mahasiswa/i dalam melahirkan graduan yang berketerampilan dan holistik DNA UiTM.

Program ini juga disertai seramai 4 orang Pegawai pengiring sebagai memenuhi syarat universiti bagi memantau pergerakan pelajar sepanjang program iaitu En Ahmad Saufi Ahmad Jawahir (Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar), Ir Dr Norrul Azmi Yahya (Pensyarah Kanan, Kolej Pengajian Kejuruteraan Awam), En Mohd Abdul Shukur Mohd Noor (Pembantu Tadbir Kanan, Bahagian Hal Ehwal Akademik), En Muhammad Nur Aiman Mohd Sabil (Pembantu Tadbir Kewangan, Pejabat Bendahari). Para sukarelawan ini telah menerima T-shirt rasmi *Volunteer SCSM*, elaun sebanyak RM70.00, makanan, e-sijil penyertaan dan sumbangan sebanyak RM1,000.00 kepada tabung universiti. Semoga warga UiTMCJ dapat melibatkan diri dengan lebih banyak lagi program pengantarabangsaan bukan sahaja sebagai memenuhi petunjuk prestasi tetapi juga terus cemerlang dan maju ke hadapan dengan penyertaan di pelbagai bidang.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KEJOHANAN BOLA TAMPAR DAN BOLA JARING STAF 2024 UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis: En Ahmad Saufi Ahmad Jawahir



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Kejohanan Bola Tampar dan Bola Jaring Staf UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) 2024 anjuran Persatuan Sukan dan Kebajikan Kakitangan (PSKK) dengan Kerjasama Unit Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM CJ Kampus Pasir Gudang telah diadakan pada 11 Mac 2024 (Isnin) di UiTM CJ Kampus Pasir Gudang. Sebanyak lapan (8) pasukan bola tampar dan enam (6) pasukan bola jaring telah menyertai kejohanan tersebut. Perasmian program telah disempurnakan oleh Dr. Siti Khadijah Alias, Penolong Rektor, UiTM CJ Kampus Pasir Gudang dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ustaz Rafiuddin Mohd Yusof, Pengerusi PSKK UiTM Cawangan Johor dan En. Ahmad Saufi Ahmad Jawahir, Penolong Pendaftar HEP, UiTM CJ Kampus Pasir Gudang.


Pertandingan Bola Jaring telah dimenangi oleh pasukan:

- Johan – Pentadbiran
- Naib Johan – Kampus Segamat
- Ketiga – Kolej Pengajian Kejuruteraan Elektrik
- Keempat – Kolej Pengajian Kejuruteraan Awam

Pertandingan Bola Tampar telah dimenangi oleh pasukan:

- Johan – Kolej Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
- Naib Johan – Kampus Segamat
- Ketiga – Kolej Pengajian Kejuruteraan Awam
- Keempat – Pentadbiran 2

Tahniah dan syabas kepada semua pasukan yang telah memenangi dan menyertai kejohanan ini.



BPJIA

BAHAGIAN
PENYELIDIKAN JARINGAN
INDUSTRI & ALUMNI

2024

SIG - PEMASARAN BERKESAN MENJANJIKAN PULANGAN

Penulis: Dr Norshahniza Sahari



Pada 13 November 2023, bengkel Strategi Pemasaran Berkesan Menjanjikan Pulangan telah diadakan di Makmal Komputer, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jementah (SMK Seri Jementah), Segamat. Bengkel yang melibatkan 18 orang murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ini, telah dikendalikan oleh Puan Hajah Rohani Jangga, Pensyarah Kanan dari UiTM Cawangan Johor bersama-sama 5 orang fasilitator iaitu Dr Noreen Noor Abd Aziz, Dr Norshahniza Sahari, Puan Hajah Yulizawati Mohd Yusoff, Puan Zuraidah Sipon dan Puan Norlina M.Ali dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Dalam bengkel tersebut, para peserta telah dibimbing dan dilatih tentang asas dan teknik pemasaran yang efektif dengan harapan mereka dapat menggunakan ilmu ini setelah tamat belajar di sekolah menengah demi kelangsungan hidup mereka pada masa akan datang. Selain itu, dengan ilmu yang diperolehi, para peserta boleh membuat jualan sendiri di rumah atau kedai serta di platform media sosial, malah mempunyai jenama dan pembungkusan sendiri.

Program siri dua (2) kumpulan *Special Interest Group* (SIG 3.0) ini diteruskan dengan Kursus Penyediaan Kek bagi Strategi Pemasaran Berkesan kepada murid-murid PPKI, SMK Seri Jementah, Segamat. Kursus ini telah diadakan di Kolej Komuniti IOI Segamat, pada 4 Disember 2023. Para peserta telah diberikan latihan amali dan praktikal oleh seorang usahawan kek yang terkenal di daerah Segamat untuk mempelajari cara menghasilkan kek dan *brownies* yang sedap dan lembut bagi menambat hati pelanggan.

Program terakhir yang dijalankan di bawah projek ini adalah karnival jualan yang telah diadakan pada 4 Januari 2024 di *Speakers' Corner*, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Pelajar-pelajar PPKI, SMK Seri Jementah telah menyediakan produk makanan mereka sendiri dan menggunakan tip pemasaran dan keusahawanan yang telah mereka pelajari sebelum ini. Antara produk makanan yang dijual adalah *cheese tart*, kek kukus coklat, *cream puff*, kek keju hokkaido, kek batik, makaroni goreng, donut coklat, biskut coklat chip, tart telur, *brownies* dan air mangga.

Para peserta berasa gembira dan teruja kerana mereka memperoleh pengalaman baharu menjual produk secara langsung kepada orang ramai dan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan diri peserta untuk berhadapan dengan orang ramai.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PRA PERANCANGAN STRATEGIK BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI & ALUMNI.

Penulis : Norshahnadz Mohamed Ghulam

Pra Perancangan Strategik Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (BPJI&A), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah diadakan pada 4 Januari 2024 di UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang. Program ini telah dihadiri oleh Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri), koordinator, penyelaras dan staf sokongan dari Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.

Objektif penganjuran program tersebut adalah untuk merangka strategi dan aktiviti-aktiviti seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025 selain boleh menyumbang dalam mencapai Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan dalam *Strategic Action Plan* (SAP) 2024-2025. Program tersebut juga dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan skor dalam instrumen *Malaysia Research Assessment* (MyRA).

Program dimulakan dengan Pembentangan Pencapaian PI, BPJI&A bagi tahun 2023 dan Taklimat PI, BPJI&A bagi tahun 2024-2025 oleh Timbalan Rektor (PJI). Sejurus selepas itu, sesi perbincangan diteruskan bersama para koordinator dan penyelaras. Pembentangan Strategi Pencapaian PI BPJI&A bagi tahun 2024-2025 dibentangkan oleh Dr. Nur Fatimah Shaari, Koordinator Penyelidikan, Dr. Muhammad Majid, Koordinator ICAN, Puan Diana' Mazan, Koordinator Alumni, Ts. Muhammad Imran Ismail, Penyelaras Penulisan & Penerbitan, Cik Siti Nurul 'Ain Zaiton, Penyelaras Inovasi, dan Dr. Norbaiti Tukiman, Penyelaras Keusahawanan.

Program yang sangat bermanfaat ini bukan sahaja dapat menghasilkan strategi pencapaian BPJI&A, malah beberapa permasalahan dapat dirungkai hasil perbincangan bersama. Program ini diharap dapat meningkatkan ketampakan BPJI&A sebagai pusat yang bertanggungjawab terhadap aktiviti penyelidikan, penulisan & penerbitan, inovasi, perundingan, jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEUSAHAWANAN MAHASISWA MASMED, TEKUN MART DAN HE&SHE COFFEE, UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG.

Penulis: Dr. Norbaiti Tukiman dan Nor Liawati Abu Othman

Pada 4 Januari 2024, Unit Keusahawanan MASMED UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang (UiTM CJPG) telah menganjurkan Program Keusahawanan Mahasiswa MASMED yang telah dirasmikan oleh Prof. Ts Dr. Salmiah Kasolang, Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) bertempat di Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI), UiTM CJPG. Program ini mencakupi pelbagai projek terkini MASMED termasuk *Hubsiswapreneur*, *BEMOSS Beautypreneur*, *Barberpreneur*, projek bersama rakan kolaborasi UiTM TEKUN Corporation menerusi projek TEKUN Mart dan *He&She Coffee*.

Program ini telah disertai oleh hampir 300 orang pelajar dan terdapat juga sepuluh (10) reruai untuk program *Entrepreneurship Biz Showcase* yang terdiri daripada TEKUN Nasional, pameran bahan aktiviti Perpustakaan PTDI dan pelbagai gerai jualan. Unit Keusahawanan MASMED UiTM CJPG di bawah program *Hubsiswapreneur* juga telah membuka hampir 15 gerai kiosk usahawan mahasiswa. Di bawah projek *BEMOSS Beautypreneur*, program ini telah melahirkan lapan (8) orang *beautician* yang dibimbing oleh usahawan bumiputera *Rossie Beauty Therapy* dan di bawah program *Barberpreneur* pula telah menggilap sebanyak hampir lima (5) orang usahawan gunting rambut lelaki di bawah Kolej Firdaus, UiTM PG.



Delegasi TEKUN Corporation diketuai oleh Tan Sri Datuk Seri Dr. Ismail Bin Hj. Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah TEKUN Corporation, Dato' Adam Bin Abd. Ghani, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional dan Ahli Lembaga Pengarah TEKUN Nasional serta Encik Zulkiflee Bin Yusoff, CEO dan pengasas He&She Sdn. Bhd.

Turut serta dalam majlis tersebut adalah Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri), Dr. Basaruddin Shah Basri, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar), Dr. Siti Khadijah Alias, Penolong Rektor Kampus Pasir Gudang, Pn. Mawar Noor Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan, Dr. Muhammad Majid, Koordinator ICAN, Dr. Norbaiti Tukiman, Penyelaras MASMED dan Dr. Mohamad Faizal Ramli, Pemangku Koordinator MASMED.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

MASYARAKAT DAN UiTM BERPISAH TIADA

Penulis: Dr. Muhammad Majid dan Dr. Mohamad Faizal Ramli



Pada 13 Februari 2024 (Isnin), delegasi dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri diketuai oleh Puan Norashiken Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) dan YB. Tuan Veerapan Superamaniam, Exco Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengadakan lawatan ke Hub IKS Desa E-Kasih, Kampung Londah, Negeri Sembilan.

Hub IKS Desa E-Kasih, Kampung Londah, Negeri Sembilan ini terpilih kerana projek ini berjaya memperkasakan ekonomi komuniti miskin tegar Desa E-Kasih hasil dedikasi ahli projek *Entrepreneurship in Action* (EIA), UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) yang diketuai oleh Encik Oswald Timothy @ Edward, Puan Tay Bee Hong, Dr. Muhammad Majid, Dr. Mohamad Faizal Ramli dan komitmen oleh Puan Suriani binti Salihan, Ketua Penolong Pegawai Daerah, Encik Salahuddin Sanusi, Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) dari Pejabat Daerah Kecil & Tanah Gemas serta penglibatan ahli-ahli komuniti yang dedikasi diketuai oleh Encik Khalid Sham Shafee, Ketua IKS Desa E-Kasih.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

Lawatan ini turut dihadiri oleh wakil pengarah, Pejabat Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM CJ, Prof. Dr. Roshima Said, Rektor UiTM Cawangan Kedah, Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor PJI, UiTM CJ, delegasi Pusat Jaringan Komuniti, UiTM Shah Alam dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Londah. Program dimulakan dengan ucapan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik), Exco Kerajaan Negeri dan Rektor UiTM CJ. Selepas itu, program diteruskan dengan sesi penerangan oleh Ketua Projek EIA, sesi perkongsian dari wakil komuniti dan demonstrasi pengeluaran produk sejuk beku.

BAHAGIAN
PENTADBIRAN

2024

CERAMAH KESEDARAN SIRI 1/2024 UiTM CAWANGAN JOHOR - PENGURUSAN KEWANGAN TERKINI

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Razali

Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat telah menganjurkan satu program Ceramah Kesedaran Siri 1/2024 yang bertajuk Pengurusan Kewangan Terkini pada 31 Januari 2024 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar, Bangunan Sri Bendahara UiTMCJ. Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Mohammed Affendy bin Mansor, Timbalan Bendahari UiTMCJ dan telah dihadiri oleh staf akademik dan bukan akademik.

Ceramah ini diadakan bertujuan menerangkan dan berkongsi ilmu berkaitan pengurusan kewangan terkini dan proses-proses kewangan yang sedang dilaksanakan dalam sistem UiTM secara keseluruhannya. Pengurusan kewangan yang cekap mampu mengoptimumkan penggunaan sumber yang baik dan memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dilaksanakan dengan lebih efisien. Semoga usaha ini dapat memberi pendedahan dan manfaat kepada semua warga. Ceramah ini juga turut dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTMCJ.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

CERAMAH KESEDARAN SIRI 2/2024 UiTM CAWANGAN JOHOR - INTEGRITI DAN KESALAHAN RASUAH DALAM AKTA SPRM 2009

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Razali

Rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam bukanlah satu isu yang baru. Telah banyak kes dan pedoman telah dipertontonkan sejak dulu lagi. Isu ini bukanlah mudah untuk ditangani sekiranya penjawat awam yang dilantik tidak berpegang kepada integriti, kod dan etika sebagai seorang penjawat awam Malaysia. Oleh itu, program-program kesedaran wajar dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan kualiti dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pemegang taruh bebas dari unsur-unsur rasuah ini.

Mengambil langkah proaktif, Unit Latihan, Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah menganjurkan Ceramah Kesedaran Siri 2/2024 bertajuk Integriti dan Kesalahan Rasuah Dalam Akta SPRM 2009 pada 25 Februari 2024 (Ahad) bertempat di Ruang LCE, PTDI 1 UiTMCJ, Kampus Segamat. Pada sesi kali ini, Encik Azman bin Ngaridi, Penolong Penguasa Kanan, Cawangan Siasatan SPRM Johor telah dijemput sebagai penceramah. Pelbagai perkongsian berkaitan isu semasa, input-input terkini terutamanya yang melibatkan kes rasuah serta salah laku dalam kalangan penjawat awam telah dikongsikan oleh penceramah jemputan. Program ini memberi impak serba sedikit kepada warga UiTMCJ, Kampus Segamat dalam memperbaiki dan mempertingkatkan integriti dalam diri masing-masing.



PROGRAM GOTONG-ROYONG JOHOR BERSIH, JALAN ANGKAT UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT PERINGKAT MPS

Penulis: Nurulintan Shyazwaney Razali

Staf di Bahagian Pentadbiran telah menyertai Program Gotong-Royong Johor Bersih Jalan Angkat UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat Peringkat MPS pada 17 Mac 2024 (Ahad). Program ini dikendalikan oleh Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob, Prof. Madya, Akademi Pengajian Bahasa dan Kontemporari serta melibatkan semua bahagian dan unit di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat.

Program ini dilaksanakan pada setiap hari Ahad bagi setiap bahagian dan unit mengikut ketetapan jadual. Objektif pelaksanaan program ini untuk menyuntik semangat dan menyemai kesedaran kepada seluruh warga kampus agar sentiasa cakna dengan kebersihan persekitaran kawasan kampus dengan melakukan kerja-kerja pembersihan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan kawasan kampus bebas daripada sebarang pembiakan haiwan perosak dan serangga terutama sekali nyamuk aedes.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM AMANAT REKTOR UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Razali



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Program Amanat Rektor UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) telah diadakan pada 22 Februari 2024 (Khamis) bertempat di LT 1 dan LT 2, UiTM CJ, Kampus Segamat dan telah dihadiri oleh Barisan Pengurusan Tertinggi UiTM CJ, staf akademik dan bukan akademik. Manakala bagi warga Kampus Pasir Gudang, program ini dihadiri secara dalam talian menerusi platform YouTube rasmi UiTM Johor.

Program Amanat Rektor adalah sebuah program tahunan yang kebiasaannya diadakan pada awal tahun. Melalui program ini Yang Berbahagia Rektor akan berkongsi visi dan misi pentadbiran beliau bagi tahun 2024 serta mengajak seluruh warga kampus untuk kekal beriltizam memegang jati diri sebagai penjawat awam yang berintegriti. Antara intipati Amanat Rektor adalah harapan Yang Berbahagia Rektor agar seluruh warga UiTM CJ dapat memulakan tahun baharu 2024 ini dengan penuh semangat dan azam yang tinggi. Beliau juga berkongsi serba sedikit perkembangan semasa kampus sepanjang tahun 2023 yang lepas. Semoga tahun ini dan tahun-tahun mendatang sentiasa cemerlang buat seluruh warga kampus UiTM CJ, sekaligus kita semua dapat melaksanakan amanah yang diberikan dengan bertanggungjawab. Terus maju UiTM Cawangan Johor dibawah kepimpinan Yang Berbahagia, Prof Madya Dr Saunah Zainon.

BPF
BAHAGIAN
PENGURUSAN
FASILITI

2024

Penulis: Noorazila Yussof



Aktiviti gotong-royong ini tentunya dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan ceria serta mengeratkan silaturahim antara warga kampus. Kawasan yang bersih dan ceria dapat mewujudkan kehidupan yang sihat dan sejahtera. Secara keseluruhannya, gotong-royong bukan sekadar aktiviti pembersihan akan tetapi aktiviti ini boleh menjadi medium untuk memperkukuhkan nilai-nilai positif dalam kalangan warga. Melalui aktiviti ini, kita dapat melihat bagaimana setiap individu, tanpa mengira latar belakang, dapat bersatu padu demi mencapai tujuan yang sama. Ini menunjukkan bahawa kerjasama dan perpaduan adalah asas pembinaan warga kampus yang harmoni dan berdaya tahan. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama menyokong dan menghidupkan kembali tradisi gotong-royong sebagai simbol kekuatan dan perpaduan dalam kalangan warga

	4153	30,905	627	35,685	40
	Students	Students	Students	Students	Students
 CUTTING EDGE PAGETITLE UTM 2023  29 8-10 PAGE 1-10 PAGE 11-15 PAGE 16-20 PAGE 21-25 PAGE 26-30 PAGE 31-35 PAGE 36-40 PAGE 41-45 PAGE 46-50 PAGE 51-55 PAGE 56-60 PAGE 61-65 PAGE 66-70 PAGE 71-75 PAGE 76-80 PAGE 81-85 PAGE 86-90 PAGE 91-95 PAGE 96-100 PAGE 101-105 PAGE 106-110 PAGE 111-115 PAGE 116-120 PAGE 121-125 PAGE 126-130 PAGE 131-135 PAGE 136-140 PAGE 141-145 PAGE 146-150 PAGE 151-155 PAGE 156-160 PAGE 161-165 PAGE 166-170 PAGE 171-175 PAGE 176-180 PAGE 181-185 PAGE 186-190 PAGE 191-195 PAGE 196-200 PAGE 201-205 PAGE 206-210 PAGE 211-215 PAGE 216-220 PAGE 221-225 PAGE 226-230 PAGE 231-235 PAGE 236-240 PAGE 241-245 PAGE 246-250 PAGE 251-255 PAGE 256-260 PAGE 261-265 PAGE 266-270 PAGE 271-275 PAGE 276-280 PAGE 281-285 PAGE 286-290 PAGE 291-295 PAGE 296-300 PAGE 301-305 PAGE 306-310 PAGE 311-315 PAGE 316-320 PAGE 321-325 PAGE 326-330 PAGE 331-335 PAGE 336-340 PAGE 341-345 PAGE 346-350 PAGE 351-355 PAGE 356-360 PAGE 361-365 PAGE 366-370 PAGE 371-375 PAGE 376-380 PAGE 381-385 PAGE 386-390 PAGE 391-395 PAGE 396-400 PAGE					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					
Students					



35

PROGRAM TRASH TO CASH UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis: Mohd Ammar Jamalidan

Pada tanggal 14 September 2023, satu program berkaitan kesedaran mengenai kitar semula telah diadakan bertempat di pekarangan Khemah *Halfmoon*, Dataran Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) Satu. Program yang dinamakan "*Trash To Cash*" ini adalah salah satu daripada sasaran Penunjuk Indeks (PI) yang diamanahkan oleh Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU). Objektif program ini adalah menerapkan nilai-nilai murni dari sudut kebersihan dan menjaga alam sekitar dengan mengumpul sisa buangan (sisa kering) terpakai yang boleh dikitar semula dalam kalangan warga kampus. Secara tidak langsung boleh juga menjana pendapatan kepada warga kampus. Antara barangan yang boleh dikitar semula ialah kotak, kertas, botol plastik, besi, barangan aluminium, bateri, TV lama, wayar, monitor, CD lama, barangan tembaga, minyak masak terpakai dan fabrik. Sepuluh unit/bahagian telah menyertai program "*Trash To Cash*" pada kali ini iaitu Bahagian Pengurusan Fasiliti, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pejabat Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Kelab Pensyarah, PTDI, Unit Pengurusan Kolej, Unit Polis Bantuan dan Unit Infostruktur.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Johor

Program yang mendapat sambutan menggalakkan ini telah dirasmikan oleh Pn. Asmawati selaku penyelarasi UiTM *Green Centre* (UGC), UiTM Cawangan Johor. Beliau yang juga merupakan pensyarah di UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang sanggup datang ke Kampus Segamat semata-mata untuk menyertai dan menjayakan program ini. Kehadiran rakan strategik UiTM seperti *SW Corp Malaysia*, Negeri Johor dan vendor kitar semula, syarikat *MS Paper & Packing Sdn Bhd* telah menjadikan program ini lebih bermakna. Jumlah keseluruhan timbangan barangan kitar semula yang berjaya dikumpulkan untuk program pada kali ini adalah sebanyak 2,980 kg (2.9 tan) dan hasil pendapatan keseluruhan ialah sebanyak RM1,549.89.

Kerjasama dan semangat ukhuwah antara bahagian/unit dapat dieratkan sepanjang program ini berlangsung sekaligus menambahkan lagi keceriaan program. Alhamdulillah objektif sebenar program dapat dicapai dengan jayanya apabila penghasilan bahan kitar semula melebihi jangkaan awal program. Semoga warga UiTM Cawangan Johor terus kekal mengamalkan aktiviti kitar semula bagi memastikan kelangsungan kehidupan untuk generasi akan datang lebih terjamin. Amalan kitar semula mampu menyelamatkan bumi.

SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN (SPAHS)

Penulis: Megat Mohammad Ruszaimey Mohd Yusop dan Nur Athirah Mohd Zaki



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Pelaporan PI 105 Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Johor

Pada Januari 2023, seramai sembilan (9) orang staf Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) telah di lantik sebagai jawatankuasa bagi menjalankan projek fizikal dan teknikal berkaitan "Water Conservation Program and Implementation" (PI 105) bagi memenuhi petunjuk prestasi (PI) universiti selaras dengan kehendak universiti dalam membawa matlamat pembangunan mampan (SDG 6) Air Bersih dan Sanitasi. Perbincangan rasmi bersama ahli telah dibuat pada 4 April 2023 bagi menetapkan lokasi dan memilih sistem guna semula bekalan air ringkas serta permasalahan berkaitan bekalan air sebagai asas kajian. Hasil dari perbincangan tersebut, ahli jawatankuasa sepakat memutuskan untuk mengadakan satu Sistem Penuaian Air Hujan (SPAHS) bagi menyalurkan bekalan air ke nurseri BPF berikutan masalah tiada laluan bekalan air mentah dan menggunakan air sepenuhnya air terawat.

Bermula 22 Mei 2023 jawatankuasa pelaksana telah menstruktur semua agihan kerja berkaitan seperti kertas kerja, lakaran, bahan mentah, gerak kerja proses serta pengujian dan penggunaan sistem SPAHS. Pembinaan sistem SPAHS secara gotong-royong telah dilaksanakan selama lima bulan dengan menggunakan hampir 70% perkakasan sedia ada (kitar semula) seperti tangki air, menara dan penapis air (*grease trap*).

Pada 16 Oktober 2023, sistem ini telah melalui proses ujilari dan digunakan sepenuhnya di nurseri BPF. Hasil capaian yang dapat digunakan atau dibekalkan adalah sebanyak 400 gelen atau 1600 liter pada satu-satu masa. Jika sistem ini berfungsi dengan baik melalui hasil yang tersimpan sepenuhnya dari penuaian air hujan atas bumbung, usaha ini dilihat mampu mengurangkan bil semasa air serta kebergantungan penggunaan air terawat dalam kampus.

Semoga sistem SPAHS ini mampu digunakan sepenuhnya bagi mencapai objektif PI 105 dalam keunggulan pendidikan hijau, kelestarian alam, dan pembangunan teknologi yang berterusan. Melalui usaha yang ditunjukkan oleh pihak BPF, sumber anugerah Allah SWT ini tidaklah dibazirkan begitu sahaja, malah dimanfaatkan dalam kaedah yang lebih kreatif dan inovasi. Projek ini adalah selari dengan tema UiTM Cawangan Johor iaitu kampus Berdayahuni dan sekaligus memastikan kelangsungan kelestarian alam sentiasa menjadi keutamaan.

MAJLIS SANJUNGAN BUDI, KILAUAN BAKTI DAN SELAMAT DATANG KEPADA STAF BAHARU.

Penulis: Maisarah Murad

Setiap pertemuan pasti ada perpisahan. Setiap perpisahan tentunya adalah saat yang menyedihkan, namun kenangan-kenangan indah yang terpatris sepanjang tempoh perkhidmatan pastinya tidak dapat dilupakan. Bermula dengan kurang pengalaman, dikumpulkan hari demi hari, sehinggalah ilmu dan pengalaman penuh di dada, pakar dalam bidang yang ditugaskan. Tentunya ia akan dirindui oleh rakan-rakan sekerja yang lain. Pada tanggal 11 Januari 2024 yang lalu, Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi, Kilauan Bakti khusus buat staf yang bersara pada bulan Januari 2024. Majlis yang diraikan secara sederhana ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Fasiliti), Jurutera Kanan dan rakan sekerja di Bahagian Pengurusan Fasiliti.

BPF dan pihak universiti merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat Encik Hashim bin Latek, Penjaga Jentera Elektrik Tertinggi dan Encik Bahrin bin Selamat, Pembantu Kemahiran Kanan atas sumbangan, jasa bakti dan komitmen sepanjang berkhidmat di UiTM. Selamat menjalani alam persaraan dengan penuh pengisian yang bermanfaat.

Patah tumbuh, hilang berganti, pada 01 dan 16 Januari 2024 yang lalu, BPF telah menerima tiga (3) orang staf baharu berjawatan Pembantu Kemahiran iaitu Encik Mohd Asfizul bin Muhammad, Encik Nur Aizad 'Ariffin bin Hashim, Cik Siti Nurlina binti Mohd Noor dan seorang (1) staf baharu berjawatan Pembantu Awam iaitu Encik Muhaimin Hakim bin Zahid. Taklimat ringkas berkaitan fungsi di BPF dan agihan tugas mengikut unit telah diberikan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Fasiliti). Dua (2) orang staf telah ditempatkan di Unit Awam dan dua (2) orang staf lagi telah ditempatkan di Unit Majlis. Selamat bekerja di UiTM Cawangan Johor dan di BPF khususnya. Bekerjalah dengan sebaiknya, terima setiap cabaran sebagai satu peluang untuk berkembang. Sentiasa berfikiran positif dan terus bersemangat untuk bekerja dengan inovatif dan kreatif.



Sumber gambar dari email
Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Johor



Sumber gambar dari Bahagian Pengurusan Fasiliti.

USAHA MEMBANTERAS ANJING LIAR DI UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis : Nur Athirah Mohd Zaki dan Megat Mohammad Ruszaimeay Mohd Yusop

Pada 10 Januari 2024 pihak Majlis Perbandaran Segamat dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Segamat telah membuat lawatan ke UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat susulan pelaporan masalah anjing liar yang berlegar dalam kawasan kampus dan telah mengganggu keselamatan serta ketenteraman warga kampus.

Kunjungan ini telah diketuai oleh Encik Ashari. Beliau telah memberikan taklimat berkaitan cara membanteras anjing berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan serta melontarkan beberapa idea berdasarkan pengalaman dan tatacara pengelolaan anjing liar di premis-premis kerajaan kepada Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), UiTM Cawangan Johor yang lain.

Seterusnya, pihak Majlis Perbandaran Segamat dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Segamat turut menegaskan kepada warga kampus akan bahayanya kewujudan anjing liar dan kemudaratan yang akan diterima dari segi keselamatan dan ketenteraman terutamanya jika anjing liar tersebut telah dijangkiti penyakit "rabies". Jangkitan penyakit ini kepada manusia mampu membawa risiko kematian.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Johor

Berdasarkan perbincangan dan taklimat, pihak Majlis Perbandaran Segamat dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Segamat bersetuju untuk membantu Bahagian Pengurusan Fasiliti dalam kerja-kerja membanteras anjing liar secara berkala dan dalam masa yang sama menyediakan sangkar atau perangkap anjing untuk memudahkan proses membanteras anjing liar. Semoga jalinan kerjasama antara UiTM Cawangan Johor dengan agensi luar seperti ini dapat menjadi wadah untuk berkongsi ilmu dan pengalaman terutama dalam memastikan keselamatan warga kampus terjamin.

BAHAGIAN
INFOSTRUKTUR

2024

BENGKEL PEMURNIAAN MYPORTFOLIO

Penulis: Nuraisyah Kamarun



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Pada 4 dan 5 Mac 2024, Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah melaksanakan satu bengkel untuk memurnikan *MyPortfolio* bertempat di Makmal Komputer 1-3, Bangunan Gunasama. Bengkel ini dilaksanakan dari kesinambungan aktiviti *Team Building* Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Johor yang telah berlangsung pada bulan Disember 2023 yang lepas. Kesemua staf seramai sembilan (9) orang termasuk seorang pelajar latihan industri bersama-sama menayakan bengkel ini dan memastikan objektif utama dicapai iaitu mengemaskini senarai tugas setiap staf mengikut carta fungsi bahagian. Sepanjang dua hari bengkel berlangsung, dua pegawai telah menyelia dan membuat semakan bersama hasil pemurniaan senarai tugas iaitu Pegawai Teknologi Maklumat dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan.

Usai bengkel ini, setiap staf perlu menyiapkan carta alir bagi setiap aktiviti, senarai tugas yang telah dikenalpasti dan semakan dari semasa ke semasa akan dilakukan oleh Pegawai Teknologi Maklumat. Proses Kerja yang sentiasa dikemaskini akan membantu meningkatkan kecekapan jabatan seterusnya memacu kecemerlangan universiti.

PROGRAM TEAM BUILDING BAHAGIAN INFOSTRUKTUR MENYUNTIK SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

Penulis: Mimi Hasliah Mohd Shahari

Pada 26 hingga 28 Disember 2023, seramai 20 orang staf skim F di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah berkumpul di UiTMCJ Kampus Pasir Gudang untuk menayakan Program *Team Building* Bahagian Infostruktur. Program yang julung kali diadakan ini, telah berjaya dilaksanakan dengan objektif mengeratkan ukhuwah dan semangat pasukan kepada semua peserta dari Bahagian Infostruktur bagi kedua-dua kampus. Seramai 5 orang Fasilitator telah dilantik dalam kalangan pelajar latihan praktikal untuk membantu kelancaran program ini.

Peserta dari kampus Segamat telah tiba sekitar jam 3.00 petang dan program telah bermula pada jam 8.30 malam dengan sesi ramah mesra bersama Penolong Naib Canselor Jabatan Infostruktur. Puan Sariani binti Sarijo, Pengarah Pengurusan ICT Jabatan Infostruktur telah hadir secara talian mewakili Penolong Naib Canselor Jabatan Infostruktur. Peserta telah diberikan taklimat mengenai hala tuju Jabatan Infostruktur dan suntikan semangat untuk bekerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh demi kemajuan UiTM.

Sesi *team building* disambung pada hari kedua dengan bengkel *MyPortfolio*. Taklimat ringkas carta fungsi bahagian Infostruktur telah diberikan oleh Puan Mimi Hasliah Mohd Shahari, Ketua ICT Kampus Negeri dan diteruskan dengan Bengkel Penyediaan Proses Kerja Menggunakan Perisian Visio. Empat acara permainan telah diatur untuk mengasah kemahiran bekerja berkumpulan, kepimpinan dan penyampaian maklumat. Objektif dan sasaran setiap permainan telah diterangkan oleh pihak urusetia. Setiap permainan akan menguji ahli dan ketua kumpulan untuk memberikan kerjasama terbaik. Program *team building* ditutup pada hari ketiga dengan pertandingan perancangan tahun 2024 oleh wakil dari setiap unit. Majlis diakhiri dengan ucapan penutupan program oleh Yang Berusaha, Dr Siti Khadijah Alias, Penolong Rektor, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang.





Pada 29 Januari 2024, seramai 25 orang peserta telah mendaftar untuk mengikuti Bengkel *Capcut Desktop Editor* di Makmal Komputer Delta, Bangunan Sri Laksamana, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ). Pengisian bengkel ini telah disampaikan oleh saudara Hasbullah bin Md Noor, Pelajar Latihan Industri dari Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat. Program ini telah mendapat kelulusan PPSM UiTM Cawangan Johor dan dilaksanakan tanpa kos. Peserta bengkel yang hadir, terdiri daripada pelbagai latar belakang bidang pekerjaan seperti kerani, pembantu operasi, pensyarah dan lain-lain. Setiap peserta yang hadir membawa hasrat untuk menambah ilmu berkenaan penyuntingan menggunakan kaedah yang mudah dan murah.

Sesi dimulakan dengan topik *Software Installation* dan *Software Interface Introduction*. Peserta dibekalkan dengan video contoh untuk memudahkan proses pembelajaran. Seterusnya pendedahan kepada *Editing Process* diberikan dengan menyentuh aspek *Text*, *Effect*, *Audio*, dan *Colors Editing*. Peserta juga telah diberikan masa yang secukupnya untuk mencuba setiap teknik yang diajar dan diberi peluang untuk menunjukkan hasil penyuntingan kepada semua peserta lain. Program tamat pada jam 12.30 tengahari dengan pengisian kehadiran dan maklum balas keberkesanan program. Sijil digital telah disediakan kepada semua peserta yang berjaya menamatkan sesi bengkel dan kebanyakan peserta memberikan maklumbalas yang memberangsangkan mengenai penganjuran bengkel ini.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

**MUDAHNYA PROSES PENYUNTINGAN VIDEO
MENGUNAKAN CAPCUT DESKTOP EDITOR.**

Penulis: Mimi Hasliah Mohd Shahari

PEJABAT
BENDAHARI

2024

LAWATAN PENGURUSAN KANAN PEJABAT BENDAHARI UiTM KE UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

Penulis: Eliana Hasmah binti Jamil



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Delegasi Pengurusan Kanan Pejabat Bendahari UiTM telah berbesar hati membuat lawatan ke UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat pada 04 Disember 2023 yang lalu. Lawatan tersebut diketuai oleh Cik Junita binti Jamaludin, Ketua Timbalan Bendahari bersama tiga orang Timbalan Bendahari Kanan iaitu Puan Rosnani binti Abdul Razak, Puan Shalezah binti Shafe'e dan Puan Huslinda binti Husaini.

Tujuan lawatan ini adalah bagimenyampaikan mesej mengenai pengukuhan perkhidmatan Pejabat Bendahari agar sentiasa selari antara ibu pejabat dan kampus cawangan. Lawatan ini juga bertujuan untuk menyelami serta menyantuni sebarang isu dan perkara-perkara yang berkaitan staf.

Selain sesi perkongsian yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Sri Bendahara, delegasi Pengurusan Kanan juga turut dibawa melawat sekitar kawasan kampus UiTM Cawangan Johor antaranya di Projek Laksamana Nektrar UiTM, Ladang Nenas, Medan Selera Sri Cempurai dan Glass House Student Centre.

Lawatan Pengurusan Kanan yangberlangsung hampir satu hari ini banyak memberi input dan pengetahuan yang berguna untuk semua staf Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat untuk diaplikasikan dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan.

MAJLIS DI AMBANG RAMADHAN

Penulis: Eliana Hasmah binti Jamil



Kedatangan bulan Ramadhan sangat dinantikan seluruh umat Islam. Bagi mempersiapkan diri menghadapi kedatangan bulan yang berkah ini, Kelab Staf Pejabat Bendahari juga tidak ketinggalan menganjurkan Majlis di Ambang Ramadhan pada jam 9.00 pagi, 7 Mac 2024, bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Bendahari.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan ringkas oleh Timbalan Bendahari, Encik Mohammed Affendy Mansor. Seterusnya bacaan Surah Yasin beramai-ramai diketuai oleh Penolong Pendaftar Kanan, Unit Hal Ehwal Islam, Ustaz Rafiuddin bin Mohd Yusof telah dilaksanakan. Majlis diteruskan lagi dengan tazkirah ringkas berkaitan keberkatan bulan Ramadhan. Dalam tazkirah ini, semua staf diingatkan tentang kelebihan bulan Ramadhan dan perkara-perkara yang wajar dilakukan ketika menjalani ibadah puasa.



Selesai tazkirah tersebut, penganjur turut mengambil kesempatan melaksanakan majlis sambutan hari lahir bagi staf yang menyambut hari lahir pada bulan Januari – Mac tahun ini. Sebelum bersurai, semua staf dan penceramah jemputan disajikan dengan jamuan ringkas yang telah disediakan. Majlis telah berakhir pada jam 11.00 pagi. Secara keseluruhannya, majlis berjalan dengan lancar dan semoga kedatangan Ramadhan pada tahun ini memberi impak yang positif kepada semua staf Pejabat Bendahari.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

SESI LATIHAN DAN HANDS-ON PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DI SISTEM *FIN-ePROCUREMENT PLUS (EP 2.0)*

Penulis: Eliana Hasmah Jamil



Pada 17 Januari 2024, Unit Pengurusan Perolehan, Pejabat Bendahari telah mengadakan sesi pertama untuk Latihan dan *Hands-On* Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan di Sistem *Fin-eProcurement Plus* (Ep 2.0) yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Bendahari. Sesi latihan ini telah dirancang untuk diadakan pada setiap hari Rabu bermula jam 10.00 pagi dengan menyasarkan penglibatan daripada semua pusat tanggungjawab (PTJ). Bagi sesi kali ini, dua PTJ telah mengambil bahagian iaitu Pejabat Polis Bantuan dan Unit Hal Ehwal Islam.

Dalam sesi latihan ini, para peserta diberi latihan berkaitan penggunaan sistem tersebut antaranya pengenalan kepada fungsi asas sistem *Fin-eProcurement Plus* dan mempelajari langkah-langkah yang terlibat dalam proses perolehan melalui sistem ini. Di akhir sesi latihan, para peserta telah memberi maklumbalas yang positif dan telah berjaya melaksanakan proses perolehan bagi unit masing-masing dengan lebih baik dan teratur.

Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat sangat menghargai komitmen dan usaha yang telah diberikan oleh semua staf terlibat dalam memastikan proses perolehan melalui sistem *Fin-eProcurement Plus* (Ep 2.0) universiti berjalan dengan teratur dan baik.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



UHEI

UNIT HAL EHWAL ISLAM

2024

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT DAERAH SEGAMAT BAGI TAHUN 2024M/1445H

Penulis: : Amir Anuar Ab Aziz



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Masjid As-Syakirin UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) Kampus Segamat buat julung kalinya telah terpilih untuk menjadi tuan rumah bagi acara tahunan iaitu Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Segamat bagi tahun 2024M/1445H. Melalui kerjasama antara Unit Hal Ehwal Islam, UiTMCJ, Kampus Segamat dan Pejabat Kadi Daerah Segamat serta agensi-agensi Kerajaan Negeri Johor yang lain sebagai urusetia, program ini telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Februari 2024 yang lalu.

Dilaksanakan dalam dua sesi yang berbeza iaitu sesi perujian yang berlangsung pada waktu siang, manakala di sebelah malam pula acara perasmian program dilaksanakan bermula jam 8.00 malam. Program telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Segamat, Tuan Mohd Masni bin Wakiman. Turut hadir bersama dalam majlis tersebut ialah YB Dato' Zahari Bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor dan Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTMCJ.

Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada 15 orang qari dan 3 orang qariah telah menyertai perujian tersebut. Bagi kategori qari, johan disandang oleh saudara Haiz Humaizi bin Hamizan dengan memperolehi markah 89% yang turut dinobatkan sebagai peserta terbaik perujian, manakala johan qariah disandang oleh saudara Nor Syuhada binti Muhammad dengan memperolehi markah 88%. Kedua-dua pemenang qari dan qariah ini akan mewakili Daerah Segamat ke peringkat negeri yang akan berlangsung di Johor Bahru.

PROGRAM BICARA SANTAI 'KERJA ITU IBADAH'

Penulis: Naqib Zharfan Basysyasy Omar



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

Pada 24 Januari 2024 bersamaan 12 Rejab 1445H (Rabu) satu Program Bicara Santai secara dalam talian telah dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang. Program ini melibatkan penyertaan 308 orang peserta dengan menggunakan aplikasi Webex sebagai medium atas talian.

Program ini bermula pada jam 10.00 pagi dengan pengisian disampaikan oleh Pencetus Ummah Saudara Izzat Fathi bin Hisham dan berakhir sekitar jam 11.00 pagi. Perkongsian Program Bicara Santai ini adalah satu bentuk motivasi awal tahun kepada semua warga UiTMCJ melalui ingatan dan nasihat yang diberikan terhadap setiap tindakan yang dibuat, kerana kerja merupakan satu ibadah yang dituntut. Membawa tajuk "Kerja Itu Ibadah" sesi perkongsian ini mengupas mengenai kepentingan bekerja yang boleh menjadi ibadah yang terbaik kerana ia merupakan sunnah Nabi SAW. Islam menyukai orang yang kepenatan dalam mencari rezeki yang halal kerana dikira sebagai ibadah sebaliknya, mengecam mereka yang menganggur tanpa sebarang usaha dan menjadi beban kepada masyarakat.

Objektif program dilaksanakan bertujuan menghayati pelbagai nilai serta etika agar aktiviti seharian yang dilakukan dapat dianggap sebagai ibadah contohnya, mestilah jujur dan dedikasi dalam melaksanakan tugas. Kesimpulannya, program ini merupakan inisiatif untuk meningkatkan motivasi dan prestasi warga kerja UiTM Cawangan Johor. Semua sedia maklum pelbagai cabaran dihadapi saban hari bagi memastikan pencapaian akademik dan bukan akademik berada pada tahap yang sepatutnya. Diharapkan program ini dapat memberi impak positif kepada semua warga dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada semua pemegang taruh berada pada tahap terbaik.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS PASIR GUDANG

Penulis: : Muhamad Afiq Hazwan Abu Bakar



Bulan kelahiran Rasul SAW junjungan besar setiap tahun disambut apabila tiba Rabiul Awal. Justeru, sepanjang bulan ini UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang tidak terlepas daripada meraikan bulan yang penuh mulia ini. Tujuan utama aktiviti pengimarahkan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk meningkatkan rasa cinta kepada Nabi Muhammad SAW.

Antara aktiviti pengimarahkan yang dijalankan di UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang sepanjang bulan ini adalah menyertai Pertandingan Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Johor Bahru pada 28 September 2023. Kontinjen UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang telah mendapat Johan Perarakan Kategori Sekolah/IPTA/IPTS. Selain itu, kontinjen perarakan turut menyertai perarakan Maulidur Rasul Peringkat Pasir Gudang 1445H pada 7 Oktober 2023. Pelbagai aktiviti lain turut dianjurkan antaranya aktiviti sukan Liga Sepak Penalti Mahabbah Rasul 1445H dengan tujuan utamanya untuk mengeratkan silaturrahim sesama warga UiTM.

Pada tanggal 1 November 2023 pula, Program Rewang Mahabbah telah dilaksanakan. Program ini merupakan Edisi Khas sempena bulan maulid yang dilaksanakan oleh jawatankuasa Program Ketuk-ketuk Rezeki yang saban kali diadakan di kampus ini. Program memasak secara berjemaah ini dilaksanakan di Pusat Islam yang mana bahan-bahan memasak merupakan hasil sumbangan daripada warga UiTM sendiri dan seterusnya makanan diagihkan kepada warga kampus. Di samping mengeratkan silaturrahim sesama warga, turut dibantu adalah golongan yang kurang berkemampuan dari sudut kongsi rezeki.



Aktiviti-aktiviti lain seperti Kuiz Terkumpul Edisi Maulid Nabi turut dianjurkan bagi menguji tahap kefahaman warga mengenai keperibadian Nabi Muhammad SAW. Di samping itu, perarakan Maulidur Rasul turut dianjurkan pada 2 November 2023 yang merupakan Hari Kemuncak Sambutan Maulidur Rasul 1445H yang merangkumi beberapa aktiviti antaranya Bacaan Maulid, Ceramah Maulidur Rasul dan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan. Majlis ini turut dihadiri oleh Penolong Rektor, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW 1444H/2024M PERINGKAT UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis : Luqmanul Hakim Zaharullah



Sambutan Maulidur Rasul merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan saban tahun untuk mendidik dan menyemai rasa cinta umat Islam terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Bagi bersama-sama mengimarahkan sambutan maulid, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat melalui Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) telah mengadakan Sambutan Maulidur Rasul SAW 1444H/2024M Peringkat UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat pada 8 November 2023 bertempat di Masjid As-Syakirin. Program ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan melalui penyertaan warga UiTMCJ yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan di setiap bahagian/unit.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

CABARAN SUNNAH

- Dapur Sunnah
- Teka Silang Kata
- Teka Surah Lazim
- Salasilah Nabi
- Polbagal Aktiviti Menarik

Tempat : Masjid As-Syakirin
Tarikh : 8 November 2023 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi – 12.30 Tengah hari

Penceramah:
As Sheikh Hj. Mohd Nasri bin Rahman

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW

PERINGKAT UiTM CAWANGAN JOHOR
KAMPUS SEGAMAT
1444H/2024M

MAJLIS PENUTUPAN MAULIDUR RASUL SAW 1445H/2023M PERINGKAT UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

- Perarakan Maulidur Rasul SAW

Tempat : Padang Kawad
Tarikh : 9 November 2023 (Jumaat)
Masa : 8.00 Pagi

*Tertakluk kepada perubahan & pindaan

Tujuan utama program ini adalah meningkatkan rasa cinta kepada Rasulullah SAW dan memberi semangat kepada warga UiTM supaya menjadi hamba Allah yang sentiasa menghidupkan amalan Sunnah Nabi SAW. Antara program-program menarik yang diadakan ialah Cabaran Sunnah seperti aktiviti Dapur Sunnah, Cabaran Jawi, Teka Silang Kata, dan Teka Surah Lazim dengan penglibatan dan sokongan yang baik daripada para pelajar dan staf yang hadir. Perarakan Maulidur Rasul SAW turut menghiasi hari tersebut bermula di Padang Kawad dan menuju ke Masjid As-Syakirin disulami alunan selawat yang dilaungkan secara berjemaah sememangnya memberi semangat serta membangkitkan kerinduan kepada Baginda Nabi Muhammad SAW. Sesi ceramah juga turut dilaksanakan dan telah disampaikan oleh As Sheikh Hj. Mohd Nasri bin Rahman, selaku penceramah jemputan melalui perkongsian mengenai pentingnya beramal dengan Sunnah Nabi. Sesi ini telah banyak memberi motivasi kepada warga yang hadir agar lebih mendalami sirah Rasulullah SAW serta mengambil pengajaran daripada kisah Baginda Nabi SAW. Semoga warga UiTMCJ akan sentiasa mencintai Nabi SAW dan beramal dengan Sunnah Nabi SAW dalam kehidupan seharian.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Hal Ehwal Islam.



SMART PARENTINGS TALK - (GAMIFICATION – GAME BASED LEARNING) UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis: Siti Fatimah Abd Talib



Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah menganjurkan Program *Smart Parenting Talk* khas kepada semua kakitangan UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Program ini telah diadakan pada 13/2 /2024 bersamaan dengan hari Selasa bermula jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari, bertempat di Ruang LCE, PTDI 1.

Program yang dijalankan ini adalah berbentuk ceramah serta pendekatan latihan berasaskan *Gamification- Game Based Learning*. Selain itu, program ini melibatkan penceramah yang berkemahiran serta berpengalaman dalam bidang latihan dan motivasi yang dikenali sebagai Cgu Jinggo. Turut hadir dalam program ini adalah Encik Mohamad Faizul bin Mohd Ruslan, Timbalan Pendaftar Kanan, UiTMCJ Johor yang juga bertindak sebagai peserta dan wakil pihak pengurusan.

Harun bin Abu Bakar @ Cgu Jinggo merupakan pengasas kepada Model Latihan *Effective Learning Activities* (ELAS). Beliau berpengalaman lebih 25 tahun dalam pengendalian aktiviti *indoor* dan *outdoor* bagi program berbentuk motivasi, kepimpinan, pembinaan pasukan, pembinaan karakter, kemahiran komunikasi, *soft skills*, *parenting* dan *Training of Trainers* (TOT) secara sepenuh masa.

Antara objektif penganjuran program adalah supaya ibu bapa menjadi Qudwah Hasanah kepada anak-anak dan meningkatkan kefahaman tentang cabaran, tanggungjawab serta kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak-anak di pasca moden ini. Di samping itu, program ini juga memberi penekanan bahawa agama Islam mengambil berat dalam hal-hal berkaitan kekeluargaan terutamanya mengenai urusan pendidikan di peringkat kanak-kanak lagi. Peserta juga turut didedahkan dengan kemahiran *soft skills* terutamanya bagi ibu bapa yang bekerja agar dapat meluangkan masa yang berkualiti bersama anak masing-masing.

Tekanan dan cabaran dalam mendidik bukanlah mudah, menjadi tanggungjawab bagi semua ibu bapa untuk mempelajari ilmu keibubapaan terkini kerana persekitaran anak-anak membesar banyak dipengaruhi oleh dunia digital yang tiada sempadan. Justeru, bagi mengelakkan anak-anak merasa terpinggir dan memastikan kesihatan mental mereka berada pada tahap terbaik, adalah menjadi keperluan untuk ibu bapa menerokai bidang ilmu dalam pelbagai cabang. Semoga program ini memberikan manfaat buat semua warga UiTMCJ.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah Unit Hal Ehwal Islam (UHEI).

**UNIT
KOMUNIKASI
KORPORAT**

2024

PROJEK BAIK PULIH DAN NAIK TARAF GALERI KORPORAT

Penulis: Iqlil Dhania Mohamad



Unit Komunikasi Korporat sedang dalam proses membaik pulih dan menaik taraf Galeri Korporat yang kini usang dan dimakan anai-anai. Umum mengetahui Galeri Korporat sewaktu zaman kegemilangannya menjadi salah satu daya tarikan tetamu yang hadir ke UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Walau bagaimanapun, setelah ditutup hampir dua tahun sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak kami mengambil inisiatif membentuk satu jawatankuasa khas untuk mencantikkan semula galeri dengan menukar gambar-gambar lama selain mengemaskini maklumat-maklumat terkini. Pembinaan imej tentunya menjadi satu indikator penting bagi memastikan kelancaran pembangunan dan penawaran perkhidmatan korporat kepada semua pemegang taruh. Melalui medium ini, semua pengunjung berpeluang untuk untuk menerokai dan mempelajari sejarah penubuhan UiTM Cawangan Johor dan peristiwa-peristiwa penting yang berkaitan dengan cawangan Johor secara keseluruhan.

Alhamdulillah projek ini telah melalui fasa akhir dimana penyusunan semula poster-poster maklumat serta gambar-gambar terkini sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya selepas Hari Raya Aidilfitri 2024. Semoga usaha ini dapat mengukuhkan lagi jenama UiTM Cawangan Johor di mata dunia.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



POLIS BANTUAN

2024

PERJUMPAAN DAN TAKLIMAT HALA TUJU SERTA PELAN STRATEGIK POLIS BANTUAN UiTM BERSAMA KETUA POLIS BANTUAN UiTM DSP/PB ZAKARIA BIN ISHAK

Penulis: Basyirah binti Yusof

Ketua Polis Bantuan UiTM DSP/PB Zakaria bin Ishak telah membuat lawatan kerja ke UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) pada 18 Februari 2024 (Ahad). Ketibaan beliau telah disambut oleh YBrs Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dan Pegawai Keselamatan Kanan, UiTMCJ ASP/PB Mohd Faiezal Bahrum. Dalam rangka lawatan ini, beliau telah membuat perjumpaan dan memberi taklimat berkaitan hala tuju serta Pelan Strategik Polis Bantuan UiTM kepada staf Unit Polis Bantuan di Kampus Segamat dan seterusnya beliau bertemu staf Unit Polis Bantuan UiTM Kampus Pasir Gudang pada 19 Februari 2024 (Isnin).

Melalui lawatan ini, DSP/PB Zakaria bin Ishak mendapat maklum balas secara langsung berkenaan Pelan Strategik Polis Bantuan UiTM. Beliau juga turut diberikan taklimat berhubung dengan perkembangan Pejabat Polis Bantuan di kedua-dua kampus. Selain itu, beliau juga mendengar permasalahan yang dihadapi oleh cawangan melalui sesi taklimat ini.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



SIRI PERKONGSIAN ILMU PEJABAT POLIS BANTUAN UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT 2024

Penulis: Zarina Abdol Wahap

Pejabat Polis Bantuan telah melaksanakan tiga (3) Siri Perkongsian Ilmu pada bulan Januari sehingga Februari 2024. Sesi perkongsian ini mengambil masa satu jam bagi setiap siri bermula pada jam 02.30 hingga 03.30 di Pejabat Polis Bantuan. Tiga orang penceramah telah dijemput yang terdiri daripada staf di Unit Kerjaya dan Kaunseling serta Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Antara objektif Siri Perkongsian Ilmu ini adalah memberi pendedahan kepada peserta mengenai permasalahan masa kini dari segi agama dan psikologi, serta cara penyelesaiannya.



Penceramah telah menyampaikan perkongsian dengan tajuk-tajuk seperti berikut :

- i) 29 Januari 2024 (Isnin) - Teori Pembangunan Manusia telah disampaikan oleh En Faizul bin Adenan, Timbalan Pegawai Psikologi Unit Kerjaya dan Kaunseling, UiTMCJ.
- ii) 29 Januari 2024 (Isnin) - Kesihatan Mental Pelajar di Universiti telah disampaikan oleh Puan Rajwani binti Ismail, Pegawai Psikologi Kanan UiTMCJ.
- iii) 15 Februari 2024 (Khamis) - Bersyukur Dengan Nikmat ALLAH SWT telah disampaikan oleh Prof Madya Ahmad Nawawi bin Yaakob, Pensyarah Kanan ACIS.



Program ini akan diteruskan lagi sepanjang tahun 2024 dengan perkongsian ilmu dari unit/bahagian/fakulti lain pula. Semoga usaha ini dapat meningkatkan prestasi dan mendedahkan semua warga Pejabat Polis Bantuan dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



PEJABAT POLIS BANTUAN JOHAN EKSA KATEGORI BAHAGIAN

Penulis: Mohd Saiful Nizam Sarifdin



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) mula diperkenalkan pada Januari 2014 sebagai salah satu inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam oleh pihak *Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU)*. Di UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ), Unit EKSA telah menggerakkan pelaksanaan EKSA bagi semua bahagian/unit sejak awal tahun lagi. Satu Pertandingan Sudut Kitar Semula yang berlangsung sekitar Oktober, 2023 dan Pertandingan Ekosistem Kondusif Sektor Awam pula dilaksanakan pada November, 2023 antara bahagian, unit dan fakulti bagi menyemarakkan amalan EKSA di UiTM CJ.

Bertempat di Hotel Mudzaffar, Melaka, Majlis Kemuncak Hari Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Johor telah dilaksanakan pada 21 Disember 2023 yang lalu bagi mengiktiraf serta menghargai setiap pencapaian dan kejayaan warga UiTM CJ. Alhamdulillah, Pejabat Polis Bantuan telah dinobatkan sebagai Johan (Kategori Bahagian) bagi Pertandingan Amalan Terbaik Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2023, UiTM CJ, Kampus Segamat. Pada majlis yang sama, penghargaan turut diberikan kepada Kumpulan *Neo Ultras* iaitu gabungan antara Pejabat Polis Bantuan dan Bahagian Infostruktur kerana menyertai pertandingan KIK Peringkat UiTM Zon Selatan serta menjadi wakil UiTM CJ ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM 2023. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pejabat Polis Bantuan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL SKT PEJABAT POLIS BANTUAN 2024

Penulis: Mohd Saiful Nizam Sarifdin

Pejabat Polis Bantuan telah menganjurkan Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pada 20 Februari 2024 bermula pada jam 08.30 pagi hingga 13.00 petang di Makmal PTDI 2, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ), Kampus Segamat. SKT merupakan elemen penting dalam Sistem Penilaian Prestasi bagi pegawai perkhidmatan awam di negara ini. Kesemua staf Pejabat Polis Bantuan telah diwajibkan hadir secara bergilir-gilir mengikut kelapangan masa staf terbabit bagi memastikan dimasukkan maklumat dalam sistem yang ditetapkan mencapai sasaran seratus peratus.



Objektif bengkel SKT diadakan adalah untuk perbincangan sasaran tugas bagi tahun 2024 dan setelah selesai sesi perbincangan, staf terbabit boleh terus menghantar SKT kepada PPP untuk kelulusan. Hasil daripada bengkel ini, semua staf Pejabat Polis Bantuan telah menyediakan dan menghantar SKT mengikut tarikh yang ditetapkan.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KELAS ASAS KAWAD KAKI DAN LATIHAN PRAKTIKAL KAWAD KAKI ANGGOTA POLIS BANTUAN UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT SIRI 1/2024

Penulis : Mohd Khairul Izam Tusiran



Kelas Asas Kawad Kaki dan Latihan Praktikal Kawad Kaki anggota Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat siri 1/2024 telah diadakan sebanyak dua sesi iaitu pada 28 dan 29 Feb 2024 (Rabu dan Khamis) bermula jam 08.00 pagi hingga 10.00 pagi di kawasan parkir PTDI 1.

Tenaga pengajar untuk program terdiri daripada dua orang anggota Pejabat Polis Bantuan UiTMCJ, Kampus Segamat iaitu Mohd Hariz bin Ramdan dan Muhamad Suhaimi bin Sulaiman yang telah mendapat tauliah Jurulatih Kawad daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Objektif Kelas Asas Kawad Kaki dan Latihan Praktikal Kawad Kaki adalah untuk memastikan semua anggota berdisiplin dan dapat mengekalkan stamina serta mengulangkaji semula apa yang telah pelajari sebelumnya. Kelas akan diadakan sebanyak 12 siri sepanjang tahun 2024.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penul



**UNIT
PENGURUSAN
KUALITI**

2024

BENGKEL PENULISAN DOKUMEN KIK UiTM 2024, UiTM CAWANGAN JOHOR: PENGENALAN, PEMILIHAN DAN PENETAPAN SASARAN PROJEK

Penulis: Shafaruniza Mahadi dan Siti Rahayu Sarman



Pada 11 Mac 2024, Unit Pengurusan Kualiti telah menganjurkan Bengkel Penulisan Dokumen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTM 2024 yang memfokuskan kepada Pengenalan, Pemilihan dan Penetapan Sasaran Projek KIK di Bilik Seminar Sri Bendahara, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) bermula jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Bengkel ini merupakan bengkel KIK yang pertama bagi tahun 2024 sebagai persediaan awal UiTMCJ untuk menghantar beberapa kumpulan KIK bertanding ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTM 2024.

Sesi ceramah telah dikendalikan oleh Puan Azura Abdul Jamil yang merupakan Pakar Rujuk KIK UiTM yang dilantik oleh InQKA. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan banyak melibatkan diri dengan KIK UiTM serta menjadi penceramah KIK badan-badan kerajaan sehingga kini. Pada tahun 2024 ini, Unit Pengurusan Kualiti UiTMCJ mensasarkan penyertaan kumpulan KIK daripada Bahagian Pengurusan Fasiliti, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Bendahari. Kehadiran peserta ke bengkel kali pertama ini sangat menggalakkan dengan penyertaan hampir 50 orang peserta daripada bahagian dan unit terlibat. Unit Pengurusan Kualiti turut merancang beberapa siri bengkel secara bulanan bagi memastikan kumpulan-kumpulan KIK UiTMCJ mampu menyediakan dokumen KIK yang lengkap, tepat dan berkualiti seterusnya bersedia dengan sesi pembentangan projek KIK masing-masing. Penganjuran bengkel seperti ini diharapkan dapat membantu para peserta memahami KIK secara menyeluruh dan seterusnya merancang projek yang sedang mahupun bakal dijalankan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL PENYEDIAAN & PEMURNIAN DOKUMEN SELF REVIEW REPORT (e-SRR) UiTM CJ 2023

Penulis: Zarina Abu Bakar dan Diana Othman



Bengkel eSRR Siri 1

Semua fakulti dan kampus cawangan di seluruh sistem UiTM perlu mengemaskini *Self-Review Report* (eSRR) setiap tahun. Dokumen eSRR ini perlu disediakan bagi mengenal pasti tahap pematuhan terhadap klausa SRR yang merujuk kepada *Guide on Compliance Evaluation for Self-Accreditation Universities* yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sehubungan itu, dua siri bengkel telah dianjurkan oleh Unit Pengurusan Kualiti melibatkan seramai 14 orang penulis di Bilik Aula Bestari, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) pada 27 Februari 2024 dan 11 Mac 2024 bagi menyediakan dokumen e-SRR UiTM CJ tahun 2023. Antara objektif yang ingin dicapai adalah membantu penulis memahami teknik penulisan yang betul serta menyenaraikan bukti yang tepat dalam laporan bagi memastikan keseluruhan penulisan dapat diselaraskan dan menepati keperluan empat (4) Area dalam *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*.

Selain penyediaan dokumen utama eSRR secara menyeluruh untuk UiTM CJ, setiap fakulti dan kolej pengajian yang menawarkan program akademik juga perlu menyediakan *Programme Self Review Report* (PSRR) masing-masing berdasarkan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*. Siri pertama bengkel melibatkan sesi perbincangan dengan ketua penulis setiap bahagian manakala siri kedua melibatkan semua penulis e-SRR UiTM CJ. Sesi perbincangan antara penulis bersama fasilitator pula telah dilaksanakan di mana fasilitator terdiri daripada kalangan penulis berpengalaman mengenai COPIA iaitu Ketua Unit Kualiti, Pengerusi Pematuhan Standard, Penyelaras MQA dan Ketua Sistem Audit.



Bengkel eSRR Siri 2

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL PENYEDIAAN PELAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANCELOR (AKNC) UiTM CJ 2024

Penulis : Syed Khusairi Tuan Azam dan Zarina Abu Bakar

Bengkel Penyediaan Pelaporan Anugerah Kualiti Naib Cancellor (AKNC) 2024 Siri 1 telah dijalankan pada 22 Februari 2024 di Bilik Aula Bestari, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ). Bengkel yang telah berlangsung selama dua jam ini, telah dihadiri oleh 40 orang penulis laporan dan antara objektif adalah membimbing serta memberi panduan kepada penulis AKNC UiTM CJ dalam menghasilkan laporan AKNC yang berkualiti. Penyelaras AKNC telah menerangkan beberapa perkara berkaitan proses pelaporan AKNC UiTM CJ bagi tahun 2024 dan berkongsikan senarai nama penulis mengikut kriteria penulisan. Pengurusan Kanan UiTM CJ telah bersetuju memilih bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar bagi pelaporan AKNC UiTM CJ 2024 dengan mengambil kira pencapaian luar biasa yang telah diperolehi oleh pelajar UiTM CJ sepanjang tahun 2023. Di samping itu, bidang tumpuan ini dipilih setelah meneliti perolehan bukti yang jelas dan tepat di jabatan yang terlibat.

Penyelaras AKNC juga menerangkan berkenaan tentatif gerak kerja bagi pelaporan AKNC kepada semua penulis dengan menerangkan tarikh-tarikh siri bengkel AKNC yang akan diadakan sehingga dokumen pelaporan AKNC sedia untuk dihantar kepada InQKA Shah Alam dengan menggunakan platform *OneDrive* sebagai pusat pengumpulan maklumat dan draf penulisan. Bengkel ini telah mendapat maklum balas yang baik daripada penulis. Penulis juga telah menunjukkan komitmen yang jitu dan akan berusaha bersama-sama bagi memastikan pelaporan AKNC UiTM CJ pada tahun 2024 dapat disediakan dengan lebih baik.

PERTANDINGAN SUDUT KITAR SEMULA DAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) UiTM CAWANGAN JOHOR 2023

Penulis : Husnizam Hosin

EKSA merupakan salah satu inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan untuk mengetengah kan persekitaran tempat kerja yang sistematik, selesa dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan atau agensi sektor awam di Malaysia. Bagi menyemarakkan amalan ini, dua pertandingan telah diadakan iaitu Pertandingan Sudut Kitar Semula (Oktober, 2023) dan Pertandingan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (November, 2023). Pertandingan ini telah disertai oleh semua bahagian, unit dan fakulti di UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ).

Bagi Pertandingan Sudut Kitar Semula, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah menjuarai dengan markah sebanyak 100%, dan tempat kedua oleh Pejabat Bendahari. Tujuan utama pertandingan ini adalah untuk melihat kreativiti dan inisiatif 'go green' bagi setiap bahagian, unit dan fakulti di samping melaksanakan inovasi atau amalan terbaik yang boleh meningkatkan produktiviti serta kualiti warga tanpa penggunaan peruntukan kewangan yang tinggi.

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan juga telah mengungguli dengan memenangi Pertandingan EKSA secara keseluruhannya. Semua bahagian, unit dan fakulti menunjukkan persaingan yang sengit antara satu sama lain dan keputusan pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan yang amat ketara jika dibandingkan dengan tahun yang sebelumnya.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PTDI
PERPUSTAKAAN
TUN DR. ISMAIL

2024

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL BINCANG KERJASAMA ANJUR PROGRAM BERSAMA PEJABAT PENDIDIKAN SEGAMAT

Penulis: Muhamad Faizul Azwan bin Jalil

Pada 13 Disember 2023, satu perbincangan bersama antara Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ), Kampus Segamat (PTDI) dan Pejabat Pendidikan Daerah Segamat (PPD) telah dilaksanakan. Melalui perbincangan ini, jalinan kerjasama antara kedua-dua institusi bakal terbentuk melalui penganjuran program atau wacana bagi memperkasakan hubungan antara perpustakaan di pusat pengajian tinggi dan pusat sumber sekolah.

Pustakawan Kanan, Encik Ahmad Akmal bin Mohd Idris berkata, "usaha tersebut sebagai satu langkah progresif dalam menggerakkan bidang perpustakaan ke arah yang lebih inklusif dan proaktif". Diharapkan kerjasama ini akan membawa manfaat kepada pelajar dalam pemahaman terhadap perpustakaan serta menjadi asas penting dalam memupuk dan mengembangkan kemahiran Guru Perpustakaan Media dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah, menyediakan mereka dengan ilmu yang diperlukan untuk memberi khidmat yang lebih efektif dan relevan kepada pelajar.

Menurut Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Mawar Noor binti Abdullah, kerjasama ini bakal membuka ruang lebih luas kepada pelajar sekolah rendah mahupun sekolah menengah untuk lebih mengenali serta memahami teknologi terkini yang terdapat di perpustakaan pengajian tinggi. Sementara itu, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Unit Sumber dan Teknologi Pendidikan, Sektor Pembelajaran, Puan Noor Aniza Shahrina binti Johan Shah berharap agar perkara yang dibincangkan ini memberi satu perkembangan positif antara kedua-dua pihak bagi bergabung tenaga menganjurkan program yang lebih berimpak dan membawa manfaat bersama.

Perbincangan ini menjadi satu langkah penting dalam memperkukuhkan hubungan yang erat antara institusi pengajian tinggi dan pusat sumber sekolah. Dengan fokus kepada pemahaman terhadap ilmu pengurusan perpustakaan dan peningkatan kemahiran, inisiatif ini tidak hanya memberi peluang kepada pelajar untuk mengeksplorasi dunia perpustakaan, tetapi juga memberdayakan Guru Perpustakaan Media dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah dengan pengetahuan yang relevan untuk mengemudi perkhidmatan yang lebih efektif dan bersesuaian.



Penglibatan mesyuarat kerjasama antara PTDI Kampus Segamat dan PPD Segamat. Dari Kiri : Encik Nasrullah bin Mastor (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Segamat), Puan Noor Aniza Shahrina binti Johan Shah (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Segamat), Puan Mawar Noor binti Abdullah (Timbalan Ketua Pustakawan, PTDI Kampus Segamat), Encik Ahmad Akmal bin Mohd Idris (Pustakawan Kanan, PTDI Kampus Segamat), Encik Mohammad Azhari bin Ja'afar (Pembantu Pustakawan, PTDI Kampus Segamat).

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PENGHASILAN PRODUK INOVATIF SSD PENCETUS KERJASAMA ANTARA UiTM CAWANGAN JOHOR DAN KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2.

Penulis : Muhamad Faizul Azwan Jalil

Pada 6 November 2023, jalinan kerjasama antara dua institusi pendidikan tinggi bagi penghasilan produk inovatif *Smart Discussion Device (SDD)* telah termeterai apabila Surat Niat (*Letter of Intent-LOI*) antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Segamat dan Kolej Komuniti Segamat 2 telah ditandatangani.

Majlis Menandatangani Surat Niat yang diadakan di Batu Anam, Segamat, Johor telah disempurnakan oleh Rektor UiTM Cawangan Johor, YBrs. Profesor Madya Dr. Saunah binti Zainon dan Pengarah Kolej Komuniti Segamat 2, YBrs. Puan Nor Dalila binti Abd Rahman dengan disaksikan oleh Ketua Timbalan Pustakawan yang Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan, Ts Tuan Haji Azizi bin Haji Jantan dan Timbalan Pengarah Pengurusan Kolej Komuniti Segamat 2, Encik Rasyidi bin Abdullah.

Dalam ucapannya, Rektor menyatakan UiTM Cawangan Johor menyokong penuh kerjasama bersama agensi kerajaan mahupun industri bagi menghasilkan produk atau projek yang berimpak tinggi yang bermanfaat buat warga UiTM dan masyarakat sekitarnya. Ini kerana sokongan terhadap aktiviti sebegini akan meransang perkongsian pengetahuan yang dimiliki disamping membantu dalam penyelesaian masalah secara pintar.

SDD merupakan peranti digital interaktif bagi kegunaan pembelajaran secara kolaboratif telah dihasilkan oleh Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI), dan Pusat Sumber Kolej Komuniti Segamat 2. Dalam Pertandingan Akhir Konvensyen KIK Peringkat UiTM Kali Ke-27 yang berlangsung pada 23 hingga 25 Oktober 2023 di Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam, kumpulan KIK AKAR berjaya meraih anugerah emas menerusi produk inovatif SDD ini. Syabas dan tahniah diucapkan.



Majlis Menandatangani Surat Niat (LoI) antara UiTM dan Kolej Komuniti Segamat 2. Dari Kiri : Ts Tuan Haji Azizi Haji Jantan, YBhg. Profesor Madya Dr. Saunah binti Zainon, YBrs. Puan Nor Dalila binti Abd Rahman dan YBrs. Encik Rasyidi bin Abdullah.



Bertempat di Bandaraya Bersejarah Melaka, pada 21 Disember 2023 satu Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi 2023 anjuran Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) dengan kerjasama Unit Pengurusan Kualiti (UPK), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat telah berlangsung dengan jayanya. Bertemakan "Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti", sambutan ini merupakan satu bentuk penghargaan UiTMCJ atas usaha berterusan semua warganya dalam menghasilkan graduan, perkhidmatan mahupun produk yang berkualiti tinggi.

Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof Madya Dr Saunah Zainon dalam ucapannya berkata, "kepentingan merealisasikan daya tahan melalui jaminan kualiti terletak kepada fakta bahwa bakal majikan atau pasaran biasanya mencari graduan atau produk yang dapat diharapkan. Daya tahan juga berkait dengan harga diri, nilai dalaman yang perlu dibangunkan supaya menjadi warga kerja yang memiliki ilmu, kemahiran, kompetensi dan kriteria yang dicari dan diperlukan UiTM. Warga kerja perlu sentiasa mengemaskini pengetahuan dengan perkembangan semasa dan bersedia untuk mempelajari perkara baru demi persediaan menerima tugas".

Hadir sama bagi merasmikan majlis tersebut adalah Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM. YBhg. Naib Canselor berpesan agar semua warga mengambil ibrah daripada Prinsip 3R iaitu *Royal, Religion dan Race*. Semua warga diingatkan supaya memartabatkan kedudukan Raja-raja Melayu, berpegang kepada konsep MIB (Melayu, Islam, Beraja), mendalami misi, visi penubuhan UiTM itu sendiri dan sentiasa meletakkan kualiti kerja setanding dengan pencapaian yang digapai. Beliau juga mengucapkan jutaan tahniah kepada pihak penganjur kerana penggunaan tulisan jawi semasa majlis tersebut. Tahniah dan syabas buat semua warga UiTM Cawangan Johor atas pencapaian yang gemilang sepanjang tahun 2023. Terus Maju UiTM Cawangan Johor untuk tahun-tahun mendatang.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MAJLIS KEMUNCAK HARI INOVASI & KUALITI UiTM CAWANGAN JOHOR 2023

Penulis: Muhamad Faizul Azwan Jalil

PTDI MENJADI LOKASI PAMERAN NANAS SEMPENA JELAJAH HARI NANAS NEGERI JOHOR 2024 .

Penulis: Muhamad Faizul Azwan Jalil

Pada 4 Mac 2024, Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah menjadi lokasi bagi Pameran Produk Berasaskan Nanas Sempena Jelajah Hari Nanas Negeri Johor 2024 dan Majlis Menandatangani Surat Niat (*Letter of Intent-LOI*) antara Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan Persatuan Pengusaha Nanas Negeri Johor (PPNNJ). Program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Johor, YB Datuk Zahari Sarip dan turut dihadiri oleh Rektor UiTM Johor, YBrs Prof Madya Dr Saunah Zainon, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) YBhg Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib Ali, Ketua Pengarah LPNM, YBrs. Tuan Mohd Kairuzamri Md. Salleh, Pengarah LPNM Negeri Johor, YBrs Encik Ahmad Fitri Shah Mohd Yusoff, Pengerusi Persatuan Pengusaha Nanas Negeri Johor, YBrs. Tuan Haji Norman Shahron, Pengurusan Kanan LPNM dan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Johor.

Warga UiTM Cawangan Johor berpeluang melihat sendiri pameran produk-produk berasaskan nanas yang telah dibawa khas oleh LPNM Negeri Johor. Pada masa yang sama, warga juga berpeluang menyaksikan sendiri satu lagi detik yang bersejarah buat UiTM dan PPNNJ apabila satu Majlis Menandatangani Surat Niat telah berlangsung dengan jayanya. Majlis ini dilaksanakan hasil daripada kerjasama yang telah terjalin antara UiTM CJ dan PPNNJ apabila Projek Pembiakan Benih Nanas MD2 Negeri Johor telah dilaksanakan di UiTM CJ seluas 20 ekar.

Memetik ucapan YB Datuk Zahari Sarip, "Sekiranya projek rintis ini berjaya membuahkan hasil yang baik, kita akan teruskan dengan berusaha mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah terbiar yang lain seperti di institut pengajian tinggi, sekolah, pusat latihan polis, kem tentera dan sebagainya. Di Segamat ini kita mempunyai tanah milik kerajaan yang terbiar kira-kira 200 ekar (80.93 hektar) tidak dapat dilakukan pembangunan atau diusahakan kerana berdepan risiko banjir dan kini ia dalam peringkat kajian untuk projek tersebut (tanaman yang sesuai)". Semoga usaha yang dilaksanakan ini akan membawa manfaat yang baik buat warga Daerah Segamat khasnya.



Majlis Menandatangani Surat Niat (LoI) antara UiTM dan PPNNJ. Dari Kiri : Dr. Faridah Najuna Nisman (Timbalan Rektor BPJIA, UiTM Cawangan Johor), Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib Ali (Pengerusi LPNM), Prof . Madya Dr. Saunah Zainon (Rektor, UiTM Cawangan Johor), YB Datuk Zahari Sarip (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar Negeri), Tuan Haji Norman Shahron (Pengerusi PPNNJ), Tuan Mohd Kairuzamri Md. Salleh, (Pengarah LPNM Negeri Johor)



KLIK-KLIK UITMCSJ

2024

SELAMAT DATANG KEPADA
YANG BERBAHAGIA PROF. DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN,
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE KAMPUS PASIR GUDANG.

13 & 14 Januari 2024



MASYARAKAT DAN UTM BERPISAH TIADA

13 FEBRUARI 2024



PERASMIAN PEJABAT UNIT ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF UiTM CAWANGAN JOHOR DAN MAJLIS PENYERAHAN MOCK CHEQUE BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD

15 FEBRUARI 2024



MAJLIS AMANAT REKTOR UiTM CAWANGAN JOHOR

21 FEBRUARI 2024



MAJLIS PENUTUP LATIHAN INTENSIF BAKAL KOMANDER SIRI 38 DAN LATIHAN INTENSIF BRASSBAND SIRI 35

02 MAC 2024



LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT
TUAN AZNAN BIN TAMIN, PENERUS JAWATANKUASA PENDIDIKAN
DAN PENERANGAN NEGERI JOHOR KE UITM CAWANGAN JOHOR.

11 MAC 2024



PROGRAM JELAJAH UTAMA UITM SE-MALAYSIA OLEH
TIMBALAN NAIB CANSOLOR HEP UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
YG. BRS PROF. DR. HAJI MOHD. SAZILI SHAHIBI

16 APRIL 2024



MAJLIS APRESIASI ICAN (ANUGERAH ICAN)

29 & 30 APRIL 2024



SAMBUTAN MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI PERDANA UITM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

09 MEI 2024



SEMINAR PERALIHAN TENAGA & KELESTARIAN ALAM 2024

21 MEI 2024





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UITM CAWANGAN JOHOR

